

قَتِيْن قِيْتِه

PETIKAN TITAH

"INILAH Al-Qur'an, yang kita peringati nuzulnya pada malam ini. Marilah kita berpegang kuat kepadanya, menghayati hukum-hukumnya, dan mengambil iktibar peringatan-peringatannya. Dengan cara yang demikian itu, insya-Allah, kita akan mendapat aura atau kekuatan yang sebenar-benarnya. Sebab itu, beta ingin melihat, semua orang hendaklah pandai membaca Al-Qur'an, supaya kita dan negara ini sama-sama beroleh kekuatan."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Bagi Tahun 1434H / 2013M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dengan tangan kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan."
- (Firman-Nya dalam Surah Al Baqarah ayat 195).

TAHUN 59 / BILANGAN 80

25 JUN 2014 / 1435 شعبان 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Simposium Kluster 6 kongsi pengalaman mengajar



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap semasa merasmikan Simposium Kluster Enam Ke-3, bertempat di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

SENGKURONG, Selasa, 24 Jun. - Simposium Kluster Enam Ke-3 adalah platform yang sesuai dalam perkongsian dan perbincangan mengenai pengalaman mengajar yang inovatif.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, simposium ini adalah relevan dan tepat pada masanya untuk melaksanakan inisiatif utama di bawah Pelan Strategik 2012-2017 untuk mencapai wawasan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

"Ini adalah tepat pada masanya kerana dapat melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah SPN21 dan pada masa yang sama membuat penilaian untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan demikian semasa berucap merasmikan Simposium Kluster Enam Ke-3, bertempat di Pusat Tingkatan Enam

Sengkurong, di sini.

Menyentuh mengenai tema simposium iaitu 'Inovatif Terhadap Kualiti Pendidikan', Yang Berhormat berpendapat, ianya memang relevan dalam mencerminkan kepentingan mengamalkan pendekatan pengajaran inovatif untuk meningkatkan pembelajaran lebih baik pelajar.

Menurut Yang Berhormat, amalan inovatif dan responsif terhadap perubahan global dan ekonomi dicerminkan dalam tiga pembaharuan utama dalam SPN21 iaitu kurikulum dan penilaian; peruntukan dan pelbagai laluan untuk pelajar; dan transformasi pendidikan vokasional dan teknikal.

"Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dan pendidikan berkualiti, Kementerian Pendidikan, sejak beberapa tahun telah memulakan banyak inisiatif pendidikan di semua peringkat. Ini termasuk antara lain program campur tangan seperti Tiara, LEAP 21, Siasatan Berasaskan Pendidikan Sains (IBSE), KGBK, Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merentasi kurikulum," jelas Yang Berhormat.

Ke muka 24

Kos jenayah rentas sempadan meningkat USD870 bilion tahun 2011



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar bergambar ramai pada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) dan Mesyuarat Yang Berkaitan Ke-14. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli

JERUDONG, Selasa, 24 Jun. - Kos jenayah merentas sempadan yang telah meningkat sebanyak USD870 bilion pada tahun 2011, adalah perolehan daripada aktiviti-aktiviti haram rangkaian jenayah terancang yang juga mempunyai jumlah yang besar setanding dengan 1.5 peratus daripada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global atau tujuh peratus daripada eksport dunia bagi barangan.

Demikian jelas Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa merasmikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) dan Mesyuarat Yang Berkaitan Ke-14.

Ke muka 24

Waktu bekerja sepanjang Ramadan 1435 Hijriah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijriah 1435 / 2014 Masihi adalah seperti berikut:

Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu ialah pada pukul 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula, masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan memulakan kerja terserah kepada budi bicara kementerian dan jabatan masing-masing.



Muka 3

PEMBINAAN perumahan negara mengikut keperluan semasa



Muka 4

UTAMAKAN KESELAMATAN

Pendidikan teknik, vokasional bantu tangani isu pengangguran



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Kebangsaan Institusi-Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional Kali Yang Ke-20 Kementerian Pendidikan pada hari Khamis, 1 Rejab 1435 Hijrah bersamaan 1 Mei 2014 Masihi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Berakas, Bandar Seri Begawan.

**Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim**

ALHAMDULILLAH, kita panjatkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul di Majlis Konvokesyen Kali Ke-20 Institusi-Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional yang penuh bermakna ini.

Terlebih dahulu saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi serta ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen ini, di atas penghormatan yang diberikan kepada peramba / kaola / saya sebagai tetamu kehormat seterusnya memberi ucapan dan menyampaikan sijil-sijil di peringkat Diploma Kebangsaan dan Sijil Kemahiran kepada graduan-graduan.

Di kesempatan istimewa ini juga, peramba / kaola / saya sukacita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan yang diperolehi. Peramba / kaola / saya penuh percaya kejayaan seperti ini tidak akan tercapai tanpa adanya usaha yang gigih dari pelajar-pelajar serta sokongan dari ibu bapa atau penjaga dan dedikasi dari tenaga pengajar yang ada.

Peramba / kaola / saya telah dimaklumkan bahawa pada hari ini seramai seribu empat belas (1,014) orang graduan dari institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional akan

menerima Diploma dan Sijil Kemahiran masing-masing di dalam bidang-bidang kursus yang telah mereka ikuti. Peramba / kaola / saya menaruh keyakinan bahawa pengalaman, kemahiran dan ilmu yang telah diperolehi sepanjang pembelajaran di institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional akan dapat dimanfaatkan oleh graduan-graduan dan pada masa yang sama diharap dapat menyumbang kepada pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara.

Pendidikan teknik dan vokasional adalah salah satu jurusan yang penting bagi pembangunan negara. Di rantau ini, kebanyakan negara menyedari kepentingan pendidikan teknik dan vokasional sebagai penggerak utama dalam pembangunan sosioekonomi negara. Kebanyakan negara telah mula memfokus jurusan ini sebagai inisiatif utama di peringkat nasional. Kepentingan sektor pendidikan teknik dan vokasional ini juga turut dijadikan agenda penting bagi kebanyakan *multi-national organizations* seperti UNESCO, ILO, ASEAN, SEAMEO.

Bagi Negara Brunei Darussalam, ia adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah baginda sempena Tahun Baru 2013 Masihi di mana baginda menyarankan bagi Kementerian Pendidikan menilai semula kedudukan pendidikan teknik dan vokasional bagi memastikan pendidikan di sektor ini boleh menyumbang kepada keperluan industri dan pekerjaan anak-anak tempatan.

Alhamdulillah, peramba / kaola / saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah giat membuat inisiatif penyusunan semula sektor pendidikan teknik dan vokasional. Transformasi ini adalah dibuat menerusi pendekatan holistik yang memajukan beberapa aspek utama yang dikenali pasti bagi melahirkan graduan-graduan yang berkualiti, *marketable* dan *job ready*. Ini merangkumi aspek-aspek seperti penyediaan program latihan yang lebih sejajar dengan keperluan industri dan pasaran pekerjaan atau *demand driven*, sistem perantisan atau *apprenticeship*, peningkatan kemahiran tenaga pengajar dan sebagainya yang dikendalikan melalui kerjasama rapat dengan pihak industri. Adalah diharap usaha strategik ini akan menyumbang ke arah menangani isu *skills job mismatch* dan lebih-lebih lagi isu pengangguran.

Isu-isu yang disebutkan di atas hendaklah ditangani bersama oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta. Saya tertarik dengan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan, Jabatan

Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sektor industri minyak dan gas dalam menghasilkan pelbagai program baru yang menepati Energy Industry Competency Framework (EICF) yang telah ditawarkan sejak Julai 2013. Peramba / kaola / saya difahamkan kesemua 268 orang pelajar yang mengikuti program-program Welder, Riggers, Scaffolder dan Fitter di bawah Industrial Skills Qualification (ISQ) pengambilan September 2013 ini telah pun diberikan tawaran pekerjaan bersyarat ataupun *conditional employment* oleh pihak industri.

Peramba / kaola / saya juga difahamkan bahawa kerjasama seperti ini juga diadakan di antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Tenaga, JPM (EDPMO) dan Kementerian Perhubungan dengan Singapore Polytechnic International (SPI) ke arah penubuhan Brunei Maritime Academy (BMA) atau Akademi Maritim Brunei. Matlamat utama penubuhan akademi tersebut adalah bagi menghasilkan anak-anak tempatan sebagai tenaga kerja maritim yang profesional dan *seafarers* yang diluluskan dan diiktiraf oleh International Maritime Organisation (IMO) bagi keperluan tenaga kerja dalam industri maritim di negara ini.

Tambahan itu, semua program-program BMA adalah dijalankan melalui skim perantisan ataupun *apprenticeship* di mana syarikat-syarikat telah membuat pemilihan pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk diambil bagi skim ini dengan matlamat para pelajar yang terpilih akan diambil untuk bekerja setelah lulus pengajian.

Peramba / kaola / saya harap model kerjasama seperti ini dilartakan ke agensi-agensi kerajaan dan sektor-sektor industri yang lainnya. Peramba / kaola / saya maklum dan turut merasa sangat gembira bahawa Jabatan Pendidikan Teknik telah membuka perbincangan dengan pihak Jabatan Buruh dan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Peramba / kaola / saya juga ingin membuat seruan kepada pihak industri untuk lebih proaktif dan mengambil kepentingan dalam pembangunan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran bagi menyahut Wawasan Brunei 2035. Contoh penglibatan industri adalah seperti pengambilan graduan dalam pekerjaan, memberi khidmat nasihat, dan memberikan tahap kompetensi di dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional. Selain dari itu, pihak industri juga boleh menyediakan tenaga pakar mereka dalam pengajaran dan pembelajaran atau menyediakan latihan pekerjaan *on-the-job training*.

Ke muka 5

Dari Sidang
Pengarang.

25 JUN 2014 BERSAMAAN 1435 شعبان 27

AMIL BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESELAMATAN HARTA-HARTA ZAKAT

SERAMAI 286 amil telah dilantik menerima Tauliah Amil Zakat Fitrah dan Zakat Harta bagi Tahun 1435H-1436H/2014M-2015M pada majlis yang berlangsung di Dewan Sembahyang Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong baru-baru ini. Seperti di tahun-tahun yang sudah, pengutipan zakat fitrah dan zakat harta dilaksanakan melalui amil-amil yang dilantik dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi mukim atau kawasan masing-masing seperti yang telah ditentukan oleh Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam.

Kita sama-sama mengetahui bahawa tugas amil adalah berat dan bukan mudah tetapi mulia. Ianya berat daripada aspek menjaga amanah zakat-zakat yang dikutip dan dikumpulkan, tidak kira sama ada ia zakat fitrah ataupun zakat harta. Tugas ini akan mendapat pahala dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ianya adalah amanah yang perlu dipikul dengan jujur, ikhlas dan adil dan perlu dijalankan dengan mengikut garis panduan atau peraturan yang telah ditetapkan dalam undang-undang.

Dengan yang demikian, para amil perlu berhati-hati menjalankan tugas mereka dan hendaklah sentiasa membetulkan niat iaitu semuanya hanya kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Walaupun amil antara lapan asnaf yang berhak menerima zakat sebagaimana yang diperuntukkan dalam hukum syara', tetapi janganlah ianya menjadikan alasan atau tujuan utama dalam menjalankan tugas sebagai seorang amil. Apa yang diperolehi berupa upah dan rezeki daripada Allah dan hendaklah diterima dengan penuh rasa syukur.

Oleh yang demikian, jangan sekali-kali para amil membuat pembahagian awal secara bersendirian iaitu dengan mengasingkan awal-awal lagi upah atau bahagian yang akan diterima sebelum menyerahkan zakat dan resit zakat itu ke Jabatan Majlis Ugama Islam. Perbuatan sebegini adalah dilarang di dalam agama. Hendaknyalah terlebih dahulu kesemua kutipan wang zakat itu diserahkan kepada Jabatan Majlis Ugama Islam, kerana merekalah selaku pihak berkuasa yang akan melaksanakan pembahagiannya seperti yang telah ditentukan oleh peraturan dan hukum syara'.

Para amil juga dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas keselamatan harta-harta zakat yang telah berjaya dikumpulkan oleh mereka. Seandainya berlaku kehilangan, kecurian dan sebagainya, sehingga mengakibatkan pihak asnaf yang lain tidak mendapat manfaat zakat, maka mereka dikira telah melakukan dosa dan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perbuatan melambatkan penyerahan wang zakat dan resit zakat juga boleh menimbulkan risiko kehilangan wang zakat dan resitnya sama ada akibat kecurian, kecurian dan lain-lain, di samping Amil sendiri boleh menjadi lupa terhadap fakta-fakta penting dan seumpamanya yang mana ini boleh menjejaskan kerjaya para amil sendiri.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada zaman Baginda pernah bersabda : "Apabila engkau telah tunaikan zakat itu kepada utusanku (amil), maka engkau telah bebas daripada tanggungan zakat itu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan engkau sudah mendapatkan pahala-Nya, sedang dosanya ditanggung (oleh) orang yang menyetelkannya iaitu para amil yang menguruskannya." (Hadis riwayat Ahmad daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu).

Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga selaku Pemangku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) pada Majlis Pelantikan Tauliah Amil Zakat Fitrah dan Zakat Harta Bagi Tahun 1435H-1436H/2014M-2015M baru-baru ini menyeru supaya para amil yang dilantik supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh rasa keikhlasan, bertanggungjawab, dengan komitmen yang padu, jujur dan amanah dan sentiasa laksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sentiasa berada di tempat-tempat dan masa-masa yang ditentukan bagi memudahkan orang ramai membayar zakat serta tidak mewakilkan kerja-kerja selaku amil itu kepada orang lain.

Dengan yang demikian, para amil perlu mengambil langkah waspada dalam menjaga keselamatan wang zakat yang dikutip. Kehilangan wang zakat dengan apa jua sebab sekalipun akan mendatangkan masalah dan kesulitan kepada para amil sendiri, apatah lagi jika kehilangan itu disebabkan perbuatan yang bertentangan dengan tatasusila dan ajaran agama Islam yang suci dan boleh mencemarkan nama baik dan berdosa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan. (Zs)**

Raman Cusca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 33°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
MUARA 33°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
PEKAN BANGAR 32°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
PEKAN TUTONG 33°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
PEKAN SERIA 33°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
KUALA BELAIT 33°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
Wahaiwan Brasawab 33°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C

Sumber : Perkhidmatan Kaji-cusca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/151 atau Talian Cusca : 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Noraisah Muhammed,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizhanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Pembinaan perumahan negara mengikut keperluan semasa

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyaksikan pameran mini dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

KUALA BELAIT, Isnin, 23 Jun. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan, rumah jenis kluster dibina ekoran daripada orang ramai yang tidak berapa gemar dengan rumah jenis teres.

Yang Berhormat menambah, rumah jenis kluster dibina supaya

pemohon-pemohon yang berjaya mengikuti Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) sama-sama dapat bahagian kawasan tepi dan keluasan untuk membesarkan rumah juga sama dengan keluasan lantai perumahan yang ada ketika ini.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika menjawab isu-isu mengenai pembangunan rumah jenis kluster di RPN Kampung Bukit

Beruang, Daerah Tutong.

Menurut Yang Berhormat, para penerima rumah jenis kluster tidak mengadu mengenai rumah tersebut, yang mengadu tentang rumah berkenaan adalah orang-orang yang tidak berkenaan tanpa melihat keadaan sebenar rumah berkenaan.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan akan mengambil maklum tentang aduan orang ramai.

"Mana-mana perkara yang perlu diperbaiki akan diperbaiki," jelas Yang Berhormat semasa ditemui pada acara promosi kebersihan kawasan-kawasan di bawah RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) yang diadakan di kawasan Masjid, RPN Kampung Pandan C, di sini.

Mengenai dengan projek pembinaan perumahan di kawasan Daerah Belait, Yang Berhormat menjelaskan, ia mengikut keperluan pemohon yang ada ketika ini.

"Pada ketika ini, senarai yang memohon di Daerah Belait sudah semakin berkurangan. Jika ada keperluan, In shaa Allah, kita akan adakan lagi projek perumahan baru di Daerah Belait," ungkap Yang Berhormat.

"Pihak kerajaan akan sentiasa memerhatikan mengenai keperluan-keperluan tersebut dari masa ke semasa," terang Yang Berhormat.

Mengenai dengan projek perumahan jenis flat, Yang Berhormat menyatakan, projek berkenaan akan diteruskan.

"Kontrak sudah ditendar hanya menunggu kelulusan daripada pihak lembaga tawaran negara dan projek akan dimulakan di kawasan Daerah Brunei dan Muara dan akan dilartakan ke kawasan-kawasan lain," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, perancangan projek tersebut pada ketika ini dijangka akan dibina dalam enam ke tujuh tingkat. Dalam perancangan tersebut, akan disediakan berbagai-bagai kemudahan seperti lif, kawasan riadah, pusat kemasyarakatan

dan sebagainya supaya kawasan kediaman tersebut cukup dengan segala kemudahan.

"Ianya merupakan satu pendekatan baru daripada pihak kementerian untuk mencukupi keperluan perumahan di kalangan penduduk dan rakyat di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai flat-flat kosong yang tidak digunakan terdapat di Daerah Belait, Yang Berhormat menyatakan flat-flat yang masih elok dan boleh digunakan akan dipelihara dan diperbaiki untuk diberikan kepada orang-orang yang masih memerlukan sementara flat-flat yang tidak selamat digunakan akan diambil tindakan untuk diroboh.

Pengumpulan statistik penting bagi pasaran buruh

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Pengumpulan statistik yang tepat pada masanya boleh dipercayai dan konsisten ke atas pasaran buruh akan berupaya membantu para penggubal undang-undang untuk merangka dan memastikan dasar-dasar sosial buruh yang kukuh seterusnya dapat menangani isu-isu berkaitan buruh dengan lebih holistik.

Setiausaha Tetap (Antarabangsa, Perancangan dan Perkembangan Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman menyatakan, perkara itu di Majlis Pembukaan Bengkel Latihan Kebangsaan Bagi Sumber Data dan Maklumat Pasaran Buruh, Kiulap Plaza Hotel, di sini.

Beliau menambah, faedah sistem maklumat pasaran buruh adalah sangat meluas dan tidak hanya terhad kepada sektor kerajaan malah juga diperluaskan kepada sektor swasta.

Sebagai misal ujarinya, para majikan boleh mengguna pakai sistem tersebut sebagai membuat keputusan sumber manusia untuk membuat peralihan dalam pendidikan program latihan.

Tambahnya, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) mula memastikan projek semakam dan menetapkan sumber data pasaran buruh ke arah pembentukan sistem fasa baru di negara ini.

Skop projek antara lain menurutnya, mengikut persediaan dan pelaksanaan program kajian buruh dan semakam sumber data pentadbiran yang berkaitan.

Bengkel empat hari itu, memberi peluang para peserta mendengarkan taklimat oleh beberapa orang konsultan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai kepakaran dalam bidang statistik, perekaan dan rangka statistik buruh.

Bengkel yang disertai oleh pegawai-pegawai kerajaan itu bertujuan untuk mengumpul statistik buruh terkini bagi digunakan seperti maklumat Wawasan Negara 2035 terutamanya dalam pembangunan, pengawalsediaan dan pelaksanaan strategi penggunaan sumber manusia negara.



SETIAUSAHA Tetap (Antarabangsa, Perancangan dan Perkembangan Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa berucap pada Majlis Pembukaan Bengkel Latihan Kebangsaan Bagi Sumber Data dan Maklumat Pasaran Buruh.



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir pada Majlis Pembukaan Bengkel Latihan Kebangsaan Bagi Sumber Data dan Maklumat Pasaran Buruh.

Kebersihan persekitaran ke arah kesejahteraan, kesihatan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Isnin, 23 Jun. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, kebersihan sangat penting bukan hanya mencantikkan kawasan tetapi juga demi kesejahteraan, kesihatan dan keindahan alam sekitar.

Menteri Pembangunan menyatakan demikian kepada para wartawan di promosi kebersihan kawasan-kawasan di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) yang diadakan di Kawasan Masjid, RPN Kampung Pandan 'C', di sini.

Yang Berhormat menyatakan, siri promosi kebersihan di kawasan RPN Kampung Pandan 'C' merupakan usaha berterusan Kementerian Pembangunan bersama dengan penduduk membersihkan kawasan di luar daripada kawasan perumahan masing-masing dengan tujuan sama-sama menjaga kebersihan kawasan perumahan yang disediakan oleh kerajaan.

"Kita menggalakkan setiap penghuni rumah masing-masing dan setiap penduduk di satu-satu kawasan itu, sama-sama menjaga kebersihan di tempat mereka tinggal kerana menjadi perkara utama, jika pengunjung-pengunjung dan kita sendiri melihat kawasan yang bersih, kita akan merasa lega dan senang," jelas Yang Berhormat selaku tetamu kehormat pada acara tersebut.

Bagi kawasan guna sama, Yang Berhormat berharap, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, sama-sama membersihkan kawasan-kawasan perumahan manakala Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) hanya memberikan sokongan logistik pada bila-bila masa inisiatif kempen kebersihan dilaksanakan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyaksikan penyiraman pokok jenis 'Eugenia Trees' yang baru ditanam.

Siri promosi kebersihan merupakan susulan daripada kempen promosi kebersihan kelolaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah diadakan sebelum ini di RPN Kampung Lambak Kanan, Daerah Brunei dan Muara pada 26 April lalu dan diikuti di RPN Rataie, Daerah Temburong pada 21 Mei lepas.

Selain daripada menyemai kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan, tujuan promosi bagi meningkatkan pengetahuan mengenai suasana dan kawasan yang bersih dan kondusif.

Matlamat promosi juga, ke arah memelihara dan meningkatkan mutu kebersihan persekitaran di kawasan Skim Rancangan Perumahan, di samping itu, promosi juga dihasratkan akan memupuk semangat kerjasama di antara semua pihak khususnya di kalangan penduduk di kawasan berkenaan dalam sama-sama memelihara kebersihan, di samping sifat bertanggungjawab kepada kebersihan.

Dianggarkan sebanyak 25 pohon pokok jenis 'Eugenia Trees', di tanam di kawasan persekitaran masjid. Selain daripada aktiviti penanaman pokok dan kerja-kerja pembersihan, Menteri

Pembangunan juga menyaksikan pameran 'mini' dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

Aktiviti dimulakan di kawasan masjid tersebut dan kawasan yang terlibat di bawah promosi kebersihan dibahagikan kepada lima zon meliputi beberapa jabatan di bawah Kementerian Pembangunan, sekolah-sekolah dan agensi-agensi yang terlibat ditempatkan setiap zon.

Turut serta dalam aktiviti termasuk Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) di Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah dan Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan.

Ikut sama hadir termasuk Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Haji Othman dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Dulamin dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Promosi kebersihan akan diperluaskan ke kawasan Skim RPN dan STKRJ di Daerah Tutong pada masa akan datang.

'UTAMAKAN KESELAMATAN'

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Keselamatan merupakan satu daripada enam strategi teras di bawah Perancangan Strategik 2008-2017 Kementerian Perhubungan dan merangkumi keperluan antara lainnya untuk memastikan keselamatan dalam kesemua mod pengangkutan iaitu pengangkutan darat, laut dan udara.

Di samping itu, ia juga melibatkan keselamatan persekitaran kerja dan keselamatan awam yang perlu dipatuhi mengikut piawaian-piawaian yang ditetapkan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat awam pada keseluruhannya.

Schubungan itu, Majlis Perasmian Minggu Keselamatan Kementerian Perhubungan berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian tersebut di sini.

Perasmianya disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Perhubungan, Pengiran Adnan bin Pengiran Badaruddin, selaku Pengerusi majlis dalam ucapannya menjelaskan Minggu Keselamatan 2014 yang bertepatan 'Keselamatan Diutamakan' ini bertujuan untuk memupuk sifat kesedaran berkaitan keselamatan di tempat kerja serta

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

sentiasa mengamalkan tabiat berhati-hati berkaitan dengan keselamatan di mana sahaja dan mematuhi semua peraturan-peraturan kerajaan dan piawaian antarabangsa berhubung dengan keselamatan.

Di samping itu, jelasnya, ia juga bertujuan agar orang ramai dapat



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Minggu Keselamatan 2014 Kementerian Perhubungan berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan.

merancang dan membuat persiapan awal mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan dan menjadikan keselamatan suatu etika di dalam kehidupan.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Perhubungan juga melancarkan laman sesawang Unit Asset dan Keselamatan Kementerian Pembangunan yang memaparkan aspek-aspek keselamatan di kesemua sektor pengangkutan di bawah bidang kawalan kementerian berkenaan.

Sempena Minggu Keselamatan itu juga, satu pameran keselamatan khas yang memaparkan aspek-aspek keselamatan daripada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan, pihak berkuasa keselamatan dan swasta juga diadakan bertempat di lobi bangunan Kementerian Perhubungan bagi kunjungan semua warga kerja Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sepanjang Minggu Keselamatan ini, beberapa siri taklimat juga turut diberikan yang mengandungi tajuk-tajuk seperti 'Kesihatan dan Keselamatan Di Tempat Kerja' dan 'Penyakit Pembawaan Vektor dan Kebersihan Alam Sekitar' oleh Kementerian Kesihatan, 'Garis-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa melancarkan dan mengujicuba laman jaringan Kementerian Perhubungan berwajah baru.

panduan Perancangan Kemajuan Bandar dan Desa, 'Ke Arah Tempat Kerja Yang Selamat dan Sihat' oleh Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (Health Safety and Environment - HSE), Jabatan Kerja

Raya dan sebagainya.

Taklimat-taklimat ini ditujukan khusus kepada para peserta daripada Kementerian Perhubungan terutama mereka yang terlibat dengan bidang tugas keselamatan secara menyeluruh serta pihak pengurusan atasan.

Perkhidmatan kejururawatan dekati masyarakat



PARA peserta Program Komuniti Outreach bersama penduduk Kampung Kasat semasa bergambar ramai.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUKIM LUMAPAS, Ahad, 22 Jun. - Sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2014, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan Daerah Brunei dan Muara menganjurkan Program Komuniti Outreach bersama penduduk Kampung Kasat.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan memberi pendidikan kesihatan secara menyeluruh kepada penduduk kampung, di samping mengeratkan lagi tali silaturahmi dengan mereka.

Seramai 300 orang termasuk jururawat-jururawat dan penduduk-penduduk kampung terdiri daripada Kampung Putat, Kampung Lupak Luas, Kampung Tarap Bau dan Kampung Kasat menghadiri program berkenaan di Kediaman Penghulu Mukim Luamapas, Awang Haji Bakar bin Mansor, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penghulu Mukim Lumapas,

Awang Haji Bakar bin Mansor.

Aktiviti program termasuk senamrobik, pemeriksaan kesihatan, peraduan mewarna, sesi kuiz, membersihkan tanah perkuburan dan penyampaian derma kepada 20 anak yatim dari keempat-empat kampung berkenaan.

Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Junita binti Haji Momin berkata, program tersebut diadakan di setiap daerah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi di antara penduduk kampung dengan perkhidmatan kejururawatan.

Beliau berharap, program itu akan mendedahkan dan mengenalkan mereka secara lebih dekat lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh perkhidmatan kejururawatan di hospital, perkhidmatan kejururawatan masyarakat, perkhidmatan kejururawatan pergigian dan perkhidmatan kepada pesakit renal (buah pinggang) di negara ini.

Jadikan menderma darah sebagai budaya

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Ahad, 22 Jun. - Sempena Hari Pendermaan Darah Sedunia 2014, Pusat Derma Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah memperkenalkan kriteria baru bagi mereka yang hendak menderma darah.

"Bermula 14 Jun lepas, mereka yang berusia 17 tahun dibolehkan menderma darah dengan syarat mendapat kebenaran ibu bapa mereka dan bermula pada tahun ini, mereka yang mempunyai berat badan 45kg hingga 49kg juga dibenarkan menderma darah 350ml sahaja," kata Penyelia Simpanan Darah Hospital RIPAS, Haji Matusop bin Haji Daud.

"Sebelum ini, mereka yang mempunyai berat badan 50kg ke atas, darah mereka diambil 450ml," ungkap beliau ketika ditemui pada kempen derma darah sempena Hari Pendermaan Darah Sedunia 2014 anjuran Pusat Derma Darah Hospital RIPAS dengan kerjasama Unit Derma Darah Hospital Suri Seri Begawan (SSB) diadakan di Blok R Hospital SSB, di sini.

Selepas dari tarikh tersebut, tambah Awang Haji Matusop ada budak-budak remaja yang datang untuk mendermakan darah mereka. Beliau menambah, kriteria baru tersebut diperkenalkan supaya golongan remaja menjadikan tabiat menderma darah sebagai budaya cara hidup sihat.

"Di negara maju, para penderma darah menderma darah setiap tiga bulan. Mereka tahu kebaikan dan kelebihan menderma darah. Apa yang kami harapkan generasi muda terutamanya di Negara Brunei Darussalam, menjadikan derma darah sebagai budaya kerana dari situ mereka mendapat kesihatan dan menolong orang ramai," jelasnya.

Penyelia Simpanan Darah Hospital RIPAS seterusnya menjelaskan kebaikan menderma darah. Dalam satu kajian di Amerika Syarikat

menyatakan, sesiapa yang telah menderma sekali atau dua kali setahun, akan mengurangkan risiko penyakit kronik seperti kanser dan serangan jantung.

"Dalam badan kita mengandungi zat besi dan zat besi tidak boleh berlebihan dalam badan. Jika ia berlebihan boleh memudaratkan kita. Dengan menderma darah, ia boleh menstabilkan kandungan zat besi dalam badan dan dengan menderma darah juga boleh membantu pesakit-pesakit terutama pesakit thalesemia dan leukemia dan pada masa ini darah banyak digunakan untuk pembedahan," jelasnya.

Pada kempen tersebut, Pusat Derma Darah Hospital RIPAS telah berjaya mengumpul sebanyak 84 pain darah.

Awang Haji Matusop yang mengetuai kempen memberitahu tujuan kempen bagi mencukupi bekalan simpanan darah Pusat Derma Darah Hospital RIPAS yang antara lain berfungsi untuk memberi bekalan darah ke hospital-hospital di setiap daerah.

"Oleh kerana bulan Ramadan akan menjelang, kami cuba menyimpan bekalan darah sebanyak yang mungkin bagi keperluan pesakit-

pesakit. Mereka yang hendak menderma darah tidak boleh menderma darah dalam keadaan perut kosong, dikhuatiri pening dan sebagainya. Dari itu umat Islam tidak digalakkan menderma darah di siang hari bulan Ramadan," ungkapnya.

Oleh itu, Awang Haji Matusop berharap ramai penderma darah akan tampil di kempen yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan akan sentiasa menderma darah kerana keperluan darah sangat dikehendaki bila-bila saja.

Awang Haji Matusop seterusnya menyatakan pada bulan Ramadan, InsyaaAllah, Pusat Derma Darah Hospital RIPAS, akan dibuka kepada orang ramai yang berhajat untuk mendermakan darah mereka dari jam 8.30 malam hingga 10.30 malam bagi memastikan bekalan darah di negara ini mencukupi.

Beliau menambah, sejak pelancaran kempen tersebut, sambutan pendermaan darah sangat menggalakkan, kempen bermula di Daerah Brunei dan Muara selama dua hari pada 16 hingga 17 Jun dan pihaknya memperoleh hampir 300 pain darah dan di Daerah Tutong pada 19 Jun mereka hampir mengutip 100 pain darah.



PENYELIA Simpanan Darah Hospital RIPAS, Haji Matusop bin Haji Daud sedang melaksanakan tugasnya.

Kumpulan Wardatul Jannah johan Citra Hidayah 2014



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyempurnakan hadiah kepada johan di Pertandingan Akhir Citra Hidayah 2014 anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Jun. - Kumpulan Wardatul Jannah muncul johan Pertandingan Akhir Citra Hidayah 2014 anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB) yang diadakan di Dewan Raya RTB, di ibu negara.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Lagu bertajuk 'Rasul Junjungan' memberi tuah kepada kumpulan Wardatul Jannah yang terdiri daripada kalangan guru lepasan daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang telah ditubuhkan pada tahun 2008.

Naib johan dimenangi oleh Kumpulan Rahadatul Aisy Munawarah terdiri daripada para pelajar sekolah-sekolah menengah membawakan lagu bertajuk 'Semangat Hijrah'.

Tempat ketiga disandang kepada Kumpulan Ar Roja dengan lagu mereka 'Al-Qur'an Panduan Hidup'.

Pasukan berkenaan merupakan terdiri dariada belia yang pernah menuntut di sekolah Arab, bergiat aktif dalam bidang seni Islam seperti tarannum dikir, tausyeh dan nasyid, terutama sekali di dalam acara keramaian.

Johan membawa pulang piala pusingan, wang tunai BND2,500 dan piala iringan; naib johan membawa pulang wang

tunai BND2,000 dan piala iringan; tempat ketiga membawa pulang wang tunai BND1,500 dan piala iringan; dan saguhati membawa pulang wang tunai BND1,000 dan piala iringan.

Persembahan terbaik dimenangi oleh Kumpulan Maiwara dengan lagu bertajuk 'Nur Muhammad (Rindu Padamu) dan membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000.

Sebanyak lapan kumpulan telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Pertandingan Citra Hidayah 2014 yang merupakan kesinambungan dari penerbitanrancangan dan pertandingan yang pernah diadakan sebelum ini.

Pertandingan berkenaan menjadi wadah pembentuk jati diri generasi muda berteraskan calak kebruneian yang tetap segar mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang juga diharapkan memberi ruang dan peluang khususnya para belia untuk berkarya dan berdakwah melalui seni.

Irama Dakwah adalah suatu cabang seni Islam yang ada di dalam negara kita yang berkonsepkan dakwah dan mampu untuk memupuk insan ke jalan kebaikan dan penganjuran seumpama ini juga diharap akan dapat menjadi medium dalam mendidik anak bangsa, mendekatkan diri dengan kegiatan sihat, di samping menjadi wadah dalam penciptaan lagu-lagu dakwah ke arah merealisasikan Negara Zikir yang berkonsepkan MIB.



JOHAN Pertandingan Akhir Citra Hidayah 2014 iaitu Kumpulan Wardatul Jannah.

Dari muka 2

Peramba / kaola / saya juga percaya bahawa kebanyakan graduan dari pendidikan teknikal ini akan memasuki alam pekerjaan. Menerusi transformasi sektor pendidikan ini, peluang bukan sahaja bagi para graduan untuk mendapat jaminan pekerjaan bahkan jua peluang laluan kerjaya atau *career pathway* untuk terus maju dalam bidang-bidang tertentu. Ini adalah peluang baik bagi menjana kerjaya dan sekali gus menjadi pilihan utama bagi sebahagian kelompok-kelompok pelajar terutama sekali yang lebih cenderung

kepada pengajaran secara *hands-on*. Ia juga diharap akan menjana kepada *transformasi mindset* yang menjurus kepada kepercayaan yang aliran ini adalah bukannya pilihan kedua atau sekolah *remedial*.

Selain dari itu, pendidikan teknik dan vokasional juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada *student and labour mobility* di samping menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat atau *life-long learning* sepertimana tertera sebagai salah satu agenda dalam Education For All (EFA), UNESCO.

Akhir sekali, peramba / kaola / saya sekali lagi dengan rasa bangga dan syukur sukacita merakamkan sekalung tahniah kepada para graduan kerana telah berjaya melepasi tangga pertama dalam dunia akademik. Jadikanlah kejayaan pada hari ini sebagai langkah permulaan yang positif ke arah membentuk peluang kerjaya yang lebih baik dan kejayaan hidup pada di masa depan. Peramba / kaola / saya juga berharap agar para graduan membina kerjaya masing-masing dengan mengutamakan ciri kerohanian, nilai-nilai etika dan moral yang tinggi.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) akan memiliki bangunannya sendiri di Kampung Batu Apoi, Temburong.

Pembinaan bangunan PKBN itu dianggarkan menelan belanja BND26,593,767 dan dijangka siap pada bulan Jun 2015.

Sehubungan dengan itu satu Majlis Menandatangani Kontrak di antara Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi Projek Pembinaan Bangunan PKBN itu diadakan pagi tadi di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan di sini.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ialah Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Chua Pheng Keong dan Pengarah Perkhidmatan Teknikal, JKR, Dayang Hajah Maihani binti Haji Abd. Hamid, manakala bagi pihak LSL Sdn. Bhd., selaku pemborong diwakili oleh Pengarah LSL, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Kadi.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan majlis menandatangani tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Di antara objektif utama projek ini adalah untuk membina generasi belia yang dinamik, berdaya saing dan cemerlang selaras dengan Dasar Belia bagi tujuan mewujudkan golongan belia Brunei yang cemerlang bagi PKBN.

Dengan ada pencapaian ini nanti pusat PKBN akan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa bertukar-tukar dokumen bersama dengan Pengarah LSL Sdn. Bhd, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Kadi pada Majlis Menandatangani Kontrak Projek Khidmat Bakti Negara, Kampung Batu Apoi, Mukim Puni, Daerah Temburong.

diperlukan untuk mengambil pelatih, pengurusan, latihan dan logistik.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Lutfi bin Abdullah; Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Awang Nurjusun bin Haji Abd. Samad dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

800 jawatan kosong ditawarkan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit selaku Penghulu Mukim Gadong A semasa menyaksikan pameran mini kerjaya berkenaan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Peluang untuk mendapatkan jawatan dalam sektor swasta kini terbuka luas menerusi Pesta Mini Kerjaya Brunei Muara Zon III, yang mana kira-kira 800 jawatan kosong ditawarkan dalam Pameran Mini Kerjaya Brunei yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Rimba II.

Perasmianya disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'.

Ketua Agensi Pekerjaan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Awang Afero Eswandy bin Haji Mohammad dalam ucapannya

berkata, baru-baru ini beberapa dasar baru telah pun diperkenalkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang bertujuan untuk memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan.

Oleh yang demikian, demi menyokong dasar tersebut, para majikan dipohonkan akan dapat memaklumkan kepada pihak APTK mana-mana jawatan kosong yang bersesuaian bagi pencari kerja tempatan baik secara sepenuh masa mahupun secara sambilan dan juga para pencari kerja tempatan yang masih belum berdaftar agar dapat mendaftarkan diri ke APTK bagi tujuan penyaluran keperluan

peluang pekerjaan atau penyaluran pekerjaan yang lebih bersesuaian.

Menyentuh mengenai peluang pekerjaan secara sambilan menurutnya, pihak APTK sedang giat berusaha untuk mempromosikan mengenai pekerjaan secara sambilan yang secara tidak langsung akan dapat memberikan persediaan bagi pencari kerja untuk bekerja secara sepenuh masa.

Hampir 30 majikan dari pelbagai industri menyertai Pesta Mini Kerjaya yang diadakan selama dua hari yang menawarkan pelbagai jenis jawatan dan kelulusan dengan harapan semua jawatan akan diisikan oleh pekerja-pekerja tempatan.

Selain pameran, beberapa buah kaunter turut dibukakan seperti kaunter maklumat kursus dan latihan; hal ehwal kesejahteraan pekerja tempatan dan majikan; bimbingan kerjaya; dan pendaftaran bagi kad APTK serta temu duga terbuka juga diadakan.

Pesta Mini Kerjaya tersebut adalah yang terakhir bagi siri zon mukim-mukim di Daerah Brunei Muara.

APTK akan mengadakan Pesta Mini Kerjaya di Daerah Temburong dan Daerah Belait pada bulan September dan Oktober ini dan seterusnya Pesta Mini Kerjaya bagi peringkat kebangsaan akan diadakan pada bulan November ini.

Pesta anjuran APTK dengan sokongan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE) berakhir 19 Jun 2014.

HALUAN

Kenal pasti hala tuju sektor pelancongan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Konsultansi DIW Econ (Aphec Independent Consultant).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) menandatangani Perjanjian Projek 'Tourism Satellite Account' bagi Negara Brunei Darussalam dengan DIW Econ (Aphec Independent Economics Consulting) yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan KPSSU, di sini.

Penandatanganan projek bagi tempoh pelaksanaan selama 14 bulan tersebut disaksikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah Pemangku Pengarahnya, Dayang

Mariani binti Haji Sabtu dan DIW Econ diwakili oleh Pengarah Aphec Independent Economics Consulting, Dr. Ferdinand Pavel.

MAJLIS diselenggarakan dengan sesi taklimat penerangan mengenai 'Tourism Satellite Account for Brunei Darussalam (TSA)' dari Konsultansi DIW Econ (Aphec Independent Economics Consulting).

Penandatanganan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 tersebut bertujuan untuk mengenal pasti impak sektor pengembaraan dan pelancongan kepada perekonomian negara selain untuk mengkaji dan mengenal pasti dasar-dasar yang berkaitan untuk dipertimbangkan.

Dalam pada itu, projek tersebut juga bertujuan untuk menilai pelancongan kepada Gross Domestic Product (GDP) dan keseluruhan perkembangan ekonomi negara selain untuk membangun dan menjalankan kajian

yang relevan untuk mendapatkan data yang tepat mengenai pelaburan, pelancongan, perbelanjaan pelancong, pendapatan pelancongan serta pekerjaan yang dijana sektor pelancongan sebagai penyumbang kepada perkembangan sosioekonomi negara.

Selain dari itu, ia juga dihasratkan untuk mengenal pasti dan membantu dalam membuat keputusan mengenai hala tuju pembangunan sektor dan produk-produk pelancongan.



Jururawat perlu sabar, dedikasi

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 21 Jun. - Profesion jururawat adalah mulia yang memerlukan kesabaran dan dedikasi serta sentiasa mewujudkan sikap mementingkan kerja berbanding diri sendiri.

Pegawai Jururawat Tingkat Khas, Dayang Hajah Mariah binti Haris menambah, kerjaya jururawat kini sudah dianggap sebagai kerjaya profesional yang memerlukan kelayakan yang tinggi.

"Dalam usaha kita mencapai tahap profesionalisme yang tinggi, kita juga tidak harus lupa bahawa layanan dan jagaan yang baik dan profesional adalah satu tugas yang harus diingati dalam kejururawatan," tambah Dayang Hajah Mariah mengingatkan.

Dayang Hajah Mariah menambah, sikap bertanggungjawab dan dedikasi dalam menjalankan tugas kepada pesakit tua atau muda, kanak-kanak atau dewasa, yang kurang upaya dan berbilang bangsa amatlah penting sekali.

"Di samping mempunyai pengetahuan, jururawat juga harus memupuk sikap pemedulian kepada pesakit, mempunyai perasaan empati dan memberikan sentuhan kemanusiaan serta perhatian kepada pesakit," tegas beliau semasa menyampaikan ucapan alu-aluan dalam majlis pelancaran kursus 'Mengemas Kini Kejururawatan Kebangsaan Yang Pertama' bagi jururawat dan bidan Hospital Suri Seri Begawan.

Dayang Hajah Mariah, selaku Pengerusi Majlis berharap melalui kursus dalam program tersebut, para jururawat akan dapat memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam pelaksanaan tugas-tugas harian dan memberikan perkhidmatan yang mantap dan efisien kepada pesakit yang memerlukan rawatan di mana-mana organisasi kesihatan.

"Jururawat adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa

pengetahuan asas serta kemahiran kejururawatan dan amalan klinikal mereka sentiasa berada di tahap yang terkini bagi memastikan pesakit penjagaan yang optimum," ungkap beliau.

Majlis pelancaran kursus dirasmikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Mariah binti Haji Md. Jaafar di Dewan Kuliah Bangunan Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan Hospital berkenaan, di sini.

Kursus tersebut merupakan program pendidikan secara berterusan yang bertujuan untuk mengulang kaji dan meningkatkan pengetahuan asas kejururawatan, kecekapan dan kemahiran klinikal. Ia sejajar dengan tema majlis 'Memupuk Budaya Pembelajaran Berterusan Bagi Meningkatkan Kualiti Penjagaan Kejururawatan'.

Di samping memberikan pengetahuan teori, program ini melibatkan praktikal dalam beberapa

tajuk bagi memudahkan pemahaman. Program ini mengandungi 14 modul yang akan dijalankan sebanyak 11 kali bagi mencapai sebanyak 400 orang peserta sasaran yang terdiri daripada warga jururawat dan bidan dari seluruh daerah di negara ini.

Setiap satu sesi mengambil masa selama tiga hari. Sesi pertama akan dijalankan mulai bulan Ogos ini dan dijangka selesai bulan Februari tahun depan dan beberapa tajuk modul yang akan disampaikan termasuk tajuk 'Perintah am dalam konteks profesional kejururawatan' yang merupakan satu aspek yang penting dalam etika kerja kejururawatan dan perlu diketahui oleh semua kakitangan di sektor perkhidmatan awam.

Objektif program bagi memberikan pengetahuan kepada para jururawat mengenai kepentingan penjagaan dan perawatan pesakit yang berkualiti dengan menitikberatkan soal keselamatan pesakit, cara berkomunikasi yang efektif bagi memudahkan segala urusan perawatan.

Program juga bagi



TETAMU kehormat menandatangani plak dan seterusnya melancarkan kursus berkenaan.

mengemaskinikan tahap kemahiran kejururawatan mengikut piawaian amalan klinikal yang terkini dan mengamalkan perawatan yang berasaskan bukti serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan dalam bekerja, tataraka kawalan jangkitan termasuk cara mencuci tangan yang efektif.

Jerayawara BPGN JIPK membarigakan maklumat



KETUA Pegawai Imigresen Kanan BPGN JIPK melekatkan poster BPGN JIPK.

GADONG, Selasa, 17 Jun. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan (BPGN JIPK) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Imigresen Kanan telah pun mengemukakan Jerayawara bertempat di Pasar Gadong dengan kerjasama Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Bandaran dan Unit Asset Jabatan Bandaran yang mana lebih kurang 30 tenaga Pegawai dari dua Agensi terlibat dalam jerayawara ini.

Pendekatan yang dibuat oleh BPGN JIPK adalah bagi membarigakan serta memberikan maklumat yang lebih jelas kepada peniaga-peniaga tempatan yang menjalankan perniagaan di Pasar Gadong di Bangku Jualan Ikan, Bangku Menjual Daging, Bangku Menjual Sayur dan juga Peniaga Kedai Runcit di pasar berkenaan.

Ia dimulakan dengan melekatkan Poster-Poster JIPK di papan-papan

tanda dan di tempat yang dihaskan di tingkat bawah dan juga di tingkat atas Bangunan Pasar Gadong.

Kemudian pegawai yang terlibat dari dua Jabatan dibahagikan kepada tiga kumpulan bagi membuat pendekatan dan penerangan serba sedikit berhubung dengan kesalahan dan hukuman dari setiap agensi jika didapati mengambil bekerja pesalah Imigresen, berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta dan Peraturan Imigresen, Akta Dan Peraturan Paspor dan seterusnya memberikan brosur kepada peniaga di bangku-bangku jualan, dan juga pihak Jabatan Bandaran sendiri ada memberikan surat pemberitahuan berhubung dengan peraturan-peraturan di bawah Jabatan berkenaan dan memastikan peniaga mempunyai lesen kebenaran yang masih sah dan peniaga tempatan yang dibenarkan sahaja bukan disewakan.

Ia adalah ekoran atau susulan dari pemeriksaan yang lalu mendapati

masih terdapat pesalah Imigresen di kalangan warganegara asing yang diambil bekerja serta beberapa maklumat terkumpul masih diterima berhubung dengan pesalah Imigresen yang masih bekerja di Pasar berkenaan.

Jerayawara ini adalah kesinambungan dari Jerayawara dan pendekatan yang telah pun dibuat pada tahun-tahun sebelumnya seperti di Pasar Tani Setenaga Sengkurong, Sumbangsih Mulia, Gadong dan di Tamu Peranginan Sungai Kianggeh di Daerah Brunei Muara, bahkan ia juga pernah dibuat di Daerah Belait dan juga Daerah Tutong.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dan sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya. Dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian 8753888 dan 8734888.

33 pegawai bomba dinaikkan pangkat



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Jun. - Seramai 32 orang Ahli Bomba Kelas Satu Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah dinaikkan pangkat sebagai Ahli Bomba Kanan (ABK), sementara seorang Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat dinaikkan pangkat sebagai Penguasa Bomba dan Penyelamat (PBP).

Majlis Penyampaian Tanda Pangkat tersebut berlangsung di Mes Pegawai, Dewan Serbaguna Ibu Pejabat JBP, di sini.

PENOLONG Pengarah Operasi, Awang Shabandi bin Haji Abd. Halim menyempurnakan kenaikan pangkat Ahli Bomba Kelas Satu ke Ahli Bomba Kanan kepada 105 Ahmad Akhbal Adi Yusa bin Haji Md. Yusof daripada Cawangan Operasi.

Penyampaian tanda pangkat bagi PBP iaitu Awang Abd. Sufriyan bin Haji Abd. Hamid telah disempurnakan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman, manakala tanda pangkat bagi ABK disampaikan oleh Penolong Pengarah Operasi, Awang Shabandi bin Haji Abd. Halim.

Mereka yang menerima tanda pangkat ABK terdiri daripada enam orang dari Cawangan Operasi 'A', dua orang dari Cawangan Operasi 'B', tiga orang masing-masing dari Cawangan

Operasi 'C' dan 'D', empat orang masing-masing dari Cawangan Operasi 'E' dan 'F' dan tiga orang lagi dari Cawangan Operasi 'G'.

Sementara itu dua orang ABK dari Skuad Khas, seorang masing-masing dari Unit Operasi Wanita, Pejabat Ketua Pemerintah Operasi dan Pusat Gerakan dan dua orang dari Pusat Latihan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Ketua Guru Agama JBP, Awang Haji Adnan bin Haji Ahmad.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan JBP.



PENOLONG Pengarah Operasi, Awang Shabandi bersama para pegawai dan para penerima tanda pangkat dalam sesi bergambar ramai.

Keluarga terima rumah bantuan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

MUKIM PENGKALAN BATU, Isnin, 16 Jun. - Tanggungjawab memeduli kesejahteraan dan keselesaan mereka yang kurang berkemampuan dan daif adalah menjadi tanggungjawab sosial.

Ianya tidak sepatutnya terletak sepenuhnya di bahu pihak agensi-agensi kerajaan yang berkaitan malahan seharusnya dipikul bersama di bahu masyarakat umum.

Sehubungan dengan ini, seorang hamba Allah dengan hasrat murni dan bermurah hati telah menghulurkan bantuan kewangan bagi menanggung keseluruhan perbelanjaan pembinaan rumah bagi Dayang Shafiah binti Awang Besar di Kampung Limau Manis, Jalan Junjongan, Mukim Pengkalan Batu.

Majlis Penyerahan Rumah Bantuan tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar.

Dengan adanya bantuan rumah baru ini sudah setentunya akan memberikan keselesaan kepada Dayang Shafiah untuk menjalani kehidupan seharian lebih-lebih lagi dalam menempuhi bulan Ramadan yang bakal menjelang.

Rumah jenis banglo ini dilengkapi dengan empat buah bilik tidur, ruang tamu, dapur, bilik mandi dan tandas dengan perbelanjaan keseluruhan BND42,000.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Ketua Kampung Putat, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim; penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di bawah Mukim Pengkalan Batu.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar (kanan) menyerahkan Sijil Kesiapan Bantuan Membina Rumah Baru kepada Dayang Shafiah binti Besar (kiri) di Kampung Limau Manis.

Pelajar-pelajar terima surat tawaran pekerjaan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Isnin, 16 Jun. - Seramai 34 pelajar Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) yang mengikuti kursus 'Certificate of Proficiency' (COP) Perantisan Deck Rating dan COP Perantisan Engine Rating bagi Akademi Maritim Brunei telah menerima surat tawaran pekerjaan bersyarat daripada syarikat-syarikat perkapalan.

Daripada jumlah tersebut, sembilan pelajar telah dipilih untuk mengikuti program 'engine rating' dan pada masa ini sedang menjalani latihan 'pre sea training' selama tiga bulan di Akademi Maritim Brunei. Sebelum itu pelajar-pelajar berkenaan menjalani latihan 'seaside' di syarikat perkapalan sejurus selepas mereka menerima 'seaman book' masing-masing.

Manakala pelajar-pelajar selebihnya mengikuti program 'deck rating' dan mereka telah menamatkan latihan asas keselamatan dalam bidang 'slinging and rigging' dan akan memulakan latihan 'seaside' di syarikat perkapalan sejurus selepas mereka menerima 'seaman book' masing-masing.

Majlis penyerahan surat tawaran tersebut disempurnakan oleh wakil-wakil daripada syarikat-syarikat perkapalan termasuk Syarikat Belait Shipping, Syarikat Petroleum Brunei, Syarikat Nautica dan PTAS.

Majlis disaksikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Awang

Haji Matnor bin Haji Salleh di MKJB, di sini.

Salah seorang pelajar yang menerima tawaran penempatan kerja di Syarikat PTAS, Awang Mohamad Amin bin Mohamad, berusia 18 tahun.

Awang Mohamad Amin sebelum ini menuntut di Institut Tahfiz Al-Quran sejak 2009 hingga 2013 dalam jurusan sains dan bertukar haluan ke bidang kejuruteraan marin di MKJB kerana minat yang mendalam dalam bidang marin.

Menurut Awang Mohamad Amin, penempatan kerja lebih kurang setahun termasuk tiga bulan di laut dan selepas itu cuti sebulan. "Selepas penempatan, kami disaran sama ada untuk melanjutkan pelajaran atau meneruskan pekerjaan," ungkapnya.

Sementara itu, Awang Haji Matussin bin Haji Timbang, ayah kepada pelajar yang menerima tawaran pekerjaan merasa bersyukur kerana anak beliau diterima tawaran tersebut.

"Syukur alhamdulillah, pada masa ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengutamakan pengambilan pekerjaan anak tempatan, di samping itu anak saya minat dalam kerjaya ini," ungkapnya.

"Selain itu, saya juga menerima saranan daripada kawan-kawan supaya

menggalakkan anak saya bekerja memandangkan peluang pengambilan pekerjaan terbuka luas untuk anak-anak tempatan," tambahnya.

Anak beliau, Awang Mohammad Adi Shukri, 29, pernah menuntut di Sekolah Menengah Berakas dan sebelum ini bekerja sebagai operator di Jabatan Kerja Raya dan mengambil kursus dalam bidang marin kerana minat dalam bidang tersebut. Awang Mohammad Adi Shukri akan ditempatkan di Syarikat Belait Shipping.

Tawaran pekerjaan bersyarat itu, secara tidak langsung akan memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar Akademi Maritim Brunei sekali gus dapat memupuk minat serta keyakinan kepada para pelajar apabila mereka berada di alam pekerjaan nanti.

Tujuan penubuhan akademi itu bagi mengembangkan lagi sektor industri marin tempatan dan dalam masa yang sama bagi memberi peluang kepada anak-anak tempatan menceburi tenaga kerja maritim yang profesional dan pelaut yang diluluskan serta diiktiraf oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO).

Akademi Maritim Brunei telah ditubuhkan pada 6 Februari 2014 daripada hasil kolaborasi tiga agensi kerajaan meliputi Kementerian Pendidikan, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perhubungan dan disokong oleh Akademi Maritim Singapura, Politeknik Singapura.



PENERIMA tawaran pekerjaan bersyarat Awang Mohammad Adi Shukri (kanan) bersama ayahnya Awang Haji Matussin bin Haji Timbang (kiri) semasa Majlis Penyerahan Surat Tawaran daripada syarikat-syarikat perkapalan tersebut.

Kutip zakat dengan jujur, amanah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar berkata, tugas-tugas mengutip dan mengumpul zakat sangat-sangat memerlukan sifat-sifat luhur dan terpuji seperti jujur, amanah, cekap, teliti dan lutan agar ianya dapat dilaksanakan dengan sempurna.

"Ianya pula merupakan satu tugas yang mulia kerana tugas mengutip zakat itu membantu umat Islam menyempurnakan ibadah mereka membayar zakat," tegas Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom semasa berucap selaku Pemangku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) pada Majlis Penyampaian Tauliah Amil-Amil Seluruh Negara Tahun 1435H-1436H/2014M-2015M yang berlangsung di Dewan Sembahyang

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong di sini.

Lantikan amil yang ditauliahkan kepada mereka itu, tegasnya seterusnya, merupakan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh mereka sendiri dengan kata lain tidak mewakilkan kerja-kerja selaku amil itu kepada orang lain kerana tauliah amil yang diberikan itu adalah kepada mereka bukannya kepada orang lain itu.

"Eloklah mereka sentiasa berada di tempat-tempat dan masa-masa yang telah ditentukan bagi memudahkan orang ramai membayar zakat mereka. Di samping mengambil langkah waspada dalam menjaga keselamatan wang zakat yang dikutip supaya akan tetap terjaga sepanjang masa ia berada di dalam simpanan para amil," ujarnya.

Jelasnya, kehilangan wang zakat dengan apa jua sebab sekalipun akan mendatangkan masalah dan kesulitan kepada para amil apatah lagi jika kehilangan itu disebabkan perbuatan yang bertentangan dengan tatasusila dan ajaran agama Islam yang suci dan boleh mencemarkan nama baik dan berdosa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom berkata, dalam memungut zakat-zakat yang dibayar oleh orang Islam di Negara Brunei Darussalam ini, MUIB telah melantik amil-amil yang terdiri daripada pegawai-pegawai masjid iaitu imam dan bilal, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, guru-guru agama, pegawai-pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, pasukan Polis Diraja Brunei dan pasukan Bomba dan Penyelamat serta pegawai dan kakitangan kerajaan yang dilantik bagi kawasan-kawasan tertentu.

Para amil berkenaan, tambahnya, akan menerima tauliah lantikan masing-masing dan lantikan ini adalah satu amanah dan kepercayaan kepada para amil bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengutip zakat di negara ini mengikut kawasan masing-masing dengan penuh tanggungjawab serta patuh mengikut peraturan dan arahan-arahan yang diberikan dalam melaksanakan tugas

mengutip zakat itu.

"Bercakap mengenai tugas dan tanggungjawab amil ini, walaupun ianya nampak seperti mudah dan senang sahaja, kerana seorang amil itu antara lain dilihat menerima wang zakat yang diserahkan kepada mereka oleh orang yang berzakat. Tapi sebenarnya ia adalah tugas yang berat dan bukan mudah tetapi mulia. Ianya berat dari aspek menjaga amanah zakat-zakat yang dikutip dan dikumpulkan itu tidak kiralah sama ada ia zakat fitrah ataupun zakat harta," tegasnya lagi.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama juga menyeru kepada masyarakat Islam di negara ini untuk sentiasa mengingati bahawa kewajipan membayar zakat bagi setiap orang Islam yang telah memenuhi syarat-syaratnya adalah kewajipan fardu ain yang mesti ditunaikan dan tidak boleh diringankan.

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka percaya dengan kesedaran umat Islam terhadap penghayatan hidup beragama di negara ini dan juga meningkatnya pengetahuan orang ramai mengenai kewajipan berzakat ini, maka kutipan zakat di Negara Brunei Darussalam akan bertambah dan semakin meningkat serta semakin ramai bilangan orang Islam yang akan mengeluarkan zakat yang akan dapat dimanfaatkan demi kemaslahatan masyarakat Islam yang berhak dan memerlukan yang terdiri dari asnaf



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga selaku Pemangku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa berucap di Majlis Penyampaian Tauliah Amil-Amil Seluruh Negara Tahun 1435H-1436H / 2014M-2015M.

asnaf yang wujud di negara ini.

Dengan adanya kesedaran seperti ini, jelasnya, kehidupan masyarakat di negara ini akan menjadi lebih makmur, struktur sosioekonomi akan menjadi lebih mantap dan terjamin yang akan turut memberi impak positif terhadap pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dan negara yang kita cintai ini.

Amil terima tauliah



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga selaku Pemangku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menyampaikan tauliah amil kepada seorang amil yang dilantik.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Seramai 286 amil yang telah dilantik menerima Tauliah Amil Zakat Fitrah dan Zakat Harta bagi Tahun 1435H-1436H / 2014M-2015M pada majlis yang berlangsung di Dewan Sembahyang Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong di sini.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga selaku Pemangku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan tauliah amil-amil berkenaan.

Para amil yang dilantik mewakili daripada 139 kawasan iaitu Daerah Brunei dan Muara (DBM) seramai 167 orang amil bagi 79 kawasan, Daerah Belait seramai 21 orang amil bagi 15 kawasan, Daerah Tutong seramai 47 orang amil bagi 29 kawasan dan Daerah Temburong seramai 22 orang amil bagi 12 kawasan, manakala 29 orang amil zakat terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan MUIB dilantik untuk mengutip di keempat-empat buah kawasan.

Tempat-tempat pengutipan dan

pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, rumah-rumah amil (terdiri daripada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung), Pejabat Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan MUIB dan di cawangan-cawangan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah-Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu, institusi-institusi kewangan Islam yang dilantik sebagai amil adalah bagi mengutip zakat harta sahaja iaitu bagi penyimpanan di bank-bank Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Terdapat peningkatan dalam kutipan zakat fitrah dan zakat harta dan keramaian orang yang berzakat pada tahun 1434H/2013M berbanding dari tahun 1433H/2012M iaitu jumlah Zakat Fitrah telah meningkat sebanyak 1.88 peratus dengan keramaian yang meningkat sebanyak 1.64 peratus, manakala jumlah Zakat Harta meningkat sebanyak 10.82 peratus dengan keramaian yang meningkat sebanyak 2.58 peratus.

Pelajar perlu miliki keimanan kukuh

Oleh : Dk. Vivy Melessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Rabu, 18 Jun. - Para pelajar perlu mempersiapkan diri dari segi mental, emosi, spiritual dan keterampilan diri yang kental serta mantap untuk menghadapi kehidupan di zaman globalisasi ini.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap berkata, seorang pelajar yang memiliki keimanan yang teguh, mempunyai kefahaman ilmu agama yang kuat dan jati diri yang mantap akan membolehkannya berhadapan dengan kehidupan yang mencabar itu, sekali gus menjadi insan berdisiplin, yang akan mempertahankan ajaran-ajaran agama Islam dan nilai-nilai murni, seperti taat kepada Allah dan taat kepada Rasul, taat kepada raja, taat kepada ibu bapa, berakhlak mulia dan sebagainya.

Semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Syababul Islam Bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah

Ke-6 Tahun 1435 Hijriah/2014 Masihi di Ma'had Islam Brunei, petang tadi, beliau seterusnya menasihatkan para pelajar supaya sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tidak melupakan dan mengabaikan suruhan-Nya seperti menunaikan sembahyang, membaca Al-Qur'an dan berdoa serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu beliau penuh percaya bahawa menjalani dan menghadapi kehidupan sebagai pelajar memerlukan kesabaran dan ketabahan.

Sementara itu, Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Dayang Hajah Surliah binti Haji Tengah, selaku Timbalan Pengerusi Bersama program berkenaan dalam ucapan alu-aluannya antaranya program berkenaan adalah salah satu inisiatif dalam mencapai objektif Pengetahuan Agama Islam (IRK) iaitu mempelbagaikan program penghayatan hidup beragama di kalangan pelajar IRK di semua



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap semasa berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Program Syababul Islam Bagi Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kali Ke-6 Tahun 1435 Hijriah/2014 Masihi.

peringkat pengajian termasuk di peringkat teknikal dan vokasional yang merupakan Rancangan Strategik JPI 2010-2014.

Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para peserta dan pengawas program berkenaan.

Program Syababul Islam Ke-6 itu menyasarkan pelajar-pelajar Tahun 9 dan 10 di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta seluruh negara.

Seramai 142 pelajar dari 45 buah sekolah menengah seluruh negara iaitu 74 pelajar lelaki dan 68 pelajar perempuan menyertai program yang dianjurkan oleh JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan dikendalikan oleh Unit Sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta Bahagian IRK.

Program selama tiga hari yang bermula pada 16 Jun lepas dihasratkan untuk membentuk peribadi dan akhlak yang mulia di kalangan pelajar, di samping untuk meningkatkan daya motivasi dan jati diri di kalangan pelajar.



SEBAHAGIAN daripada sejumlah 168 peserta terdiri daripada penuntut Tahun 9 dan 10 sekolah-sekolah menengah seluruh negara yang mengikuti Program Shababul Islam ke 6.

KHEU adakan Majlis Bertahlil

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Arwah yang dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di Kubah Makam Diraja, di sini.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar hadir sama ke majlis itu.

Turut hadir pada majlis itu, Setiausaha-Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof dan Awang Haji Mohd. 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam dan Timbalan Setiausaha Tetap di kementerian tersebut Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Juga hadir ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bacaan Surah Yaa Siin, tahlil dan doa arwah dikepalai oleh Yang Dimuliahkan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar hadir sama ke majlis itu. Turut hadir pada majlis itu, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof dan Awang Haji Mohd. 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam dan Timbalan Setiausaha Tetap di kementerian tersebut Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah ke Mukim Ukong

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MAJLIS Taklimat Kanun Hukum Jenayah Syar'iah disampaikan oleh ahli panel dari Jabatan Mufti Kerajaan dan Unit Perundangan Islam dan diadakan satu sesi soal jawab pada akhir majlis.

TUTONG, Jumaat, 20 Jun. - Dalam usaha untuk meneruskan pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013, Majlis Perundangan Mukim (MPM) Ukong dengan sokongan dari Pusat Da'wah Islamiah, Tutong mengadakan Taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah bagi penduduk Mukim Ukong, berlangsung di Dewan Serbaguna, Kampung Bukit, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Adnan bin Haji Adam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dan diteruskan dengan Taklimat Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang disampaikan oleh tiga orang ahli panel iaitu Awang Haji Denni bin Haji Abdullah dari Jabatan Mufti Kerajaan; Awang Farizan bin Haji Judin dan Pengiran Khairul Nazri bin Pengiran Haji Shahbudin, keduanya dari Unit Perundangan Islam.

Seramai 300 orang penduduk Mukim Ukong yang beragama Islam dan bukan Islam menghadiri taklimat berkenaan yang antara lain menjelaskan mengenai fasa-fasa pelaksanaan, golongan yang dikenakan Perintah Kanun, Jenis-jenis Hukuman, Kaedah Pembuktian, Kesalahan-Kesalahan dan hukuman-hukuman yang terkandung dalam perintah kanun tersebut.

Dalam mukadimah awal,

taklimat itu menekankan bahawa kewajipan melaksanakan undang-undang syar'iah adalah disyariatkan melalui Al-Qur'an dan As-Sunnah, malah banyak ayat-ayat Al-Qur'an yang menjelaskan tentang perkara tersebut bagi memerintahkan umat Islam untuk melaksanakannya.

Fasa Pertama setelah enam bulan Perintah Hukuman Syar'iah 2013 diwartakan, semua kesalahan dalam Bahagian IV Penggal IV (Kesalahan-kesalahan Am) akan dikuatkuasakan kecuali kesalahan yang mengenakan hukuman sebat atau mati iaitu kesalahan-kesalahan dakwah palsu, menghina Nabi oleh orang bukan Islam, subahat dan percubaan serta mempermainkan ayat Al-Qur'an dan hadis oleh orang bukan Islam, subahat dan percubaannya.

Dalam Fasa Kedua setelah 12 bulan dari Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syar'iah diwartakan, semua kesalahan yang mengenakan hukuman 'hadd', 'diyat', 'arsy' dan 'badal al-sull' akan dikuatkuasakan kecuali kesalahan yang mengenakan hukuman mati seperti Hirabah (rompak) jika mangsa dibunuh, zina / zina bil-jabar (rogol), liwat jika pesalah itu muhsan, kesalahan-kesalahan yang berkaitan Irtidad (murtad) dan Qatul-amd (bunuh dengan niat / sengaja).

Fasa Ketiga pula ialah setelah 24 bulan dari Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syar'iah diwartakan, Perintah

Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 akan dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk kesalahan yang mengenakan hukuman mati.

Ahli panel menjelaskan bahawa kesalahan ini bukan sahaja dikenakan kepada orang Islam, bahkan ia juga turut dikenakan kepada mereka yang bukan beragama Islam jika orang bukan Islam itu melakukan perbuatan tersebut dengan melibatkan orang Islam.

Sementara itu, antara kesalahan-kesalahan am itu ialah tidak menunaikan Sembahyang Jumaat, tidak menghormati bulan Ramadan, lelaki yang berlagak menyerupai perempuan atau sebaliknya serta melarikan perempuan Islam daripada jagaan ibu bapa atau penjaganya.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 telah dikuatkuasakan secara berfasa mulai 1 Mei 2014.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Penghulu Mukim Ukong dan juga ketua-ketua kampung.

Taklimat berkenaan merupakan kesinambungan kepada taklimat-taklimat yang disampaikan ke kampung-kampung dan daerah-daerah di negara ini.

Dengan adanya taklimat sedemikian penduduk setempat akan dapat menerima pendedahan dan maklumat secara menyeluruh terutama sekali bagi masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Saudara baru Daerah Belait meningkat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Khamis, 19 Jun. - Menurut catatan Pejabat Dakwah Daerah Belait bahawa saudara baru yang memeluk agama Islam telah meningkat seramai 59 orang dari bulan Januari tahun ini.

Jumlah tersebut termasuk satu keluarga seramai lima orang yang tinggal di Berek Perhutanan Sungai Liang yang telah menerima hidayah dan memilih Islam sebagai agama anutan mereka.

Majlis Pengislaman disaksikan oleh tetamu kehormat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Kuala Belait, Dayang Hajah Salimah binti Haji Hassan dan pegawai-pegawai Pejabat Dakwah serta keluarga tersebut di Pejabat Dakwah, di sini.

Juman anak Atu, 49, bangsa Punan berasal dari Kampung Sukang dan bekerja di Jabatan Perhutanan Sungai Liang telah melafazkan kalimah syahadah dan kini dikenali sebagai Awang Muhammad Juman bin Abdullah Atu dan isteri beliau, Rudiah binti Eding, 41, bangsa Cina, bekerja sebagai pembersih di Brunei LNG berasal dari Bukit Sawat memilih nama Islamnya, Dayang Rudiah binti Muhammad Halim.

Manakala tiga orang anak lelaki mereka, Rozimanshah, 15, Roziman Azman, 14, dan Roziman Aiman, 5, telah memilih nama Islam masing-masing sebagai Awang Muhammad Shahierul Syazwan bin Muhammad Juman, Awang Muhammad Shahierul Azman bin Muhammad Juman dan Awang Muhammad Shahierul Aiman bin Muhammad Juman.

Muhammad Juman sekeluarga terbuka hati memeluk agama Islam setelah melihat kebenaran dan kebaikan agama Islam dalam memimpin umatnya. Semua itu mereka dapati dalam

pergaulan dan tinggal dikelilingi masyarakat Islam lebih-lebih lagi kebanyakan keluarga dan saudara mara mereka telah ramai memeluk agama Islam termasuk dua orang anak mereka, Awang Muhammad Shahierul Raziman, 22, dan Dayang Nur Amal Shahirah, 20, telah lebih dahulu memeluk agama Islam pada tahun 2009 dan seorang lagi anak perempuan mereka, Dayang Nur Fatin Syairah binti Abdullah telah diasuh dan dipelihara sejak lahir lagi oleh keluarga Islam sebelah isteri beliau.

Anak mereka, Awang Muhammad Shahierul Raziman bekerja sebagai Penolong Jurujual di sebuah pasaraya dikenali sebagai Awang Muhammad Shahierul Raziman bin Abdullah Juman dan Nur Amal Shahirah bekerja di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas memilih nama Islam sebagai Dayang Nur Amal Shahirah binti Abdullah Juman manakala adik mereka, Dayang Nur Fatin Syairah, 17, menuntut di salah sebuah sekolah menengah kerajaan di Bandar Seri Begawan.

Bagi memantapkan aqidah saudara-saudara baru di negara ini, mereka dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang diadakan di Pejabat-Pejabat Dakwah di setiap daerah dan juga di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Bandar Seri Begawan.

Kursus-kursus yang dijalankan di Unit Da'wah di setiap daerah meliputi Bimbingan Pengenalan Islam 10 hari dan Skim Bimbingan Asas Saudara-saudara Baru dan diteruskan dengan Skim Bimbingan Lanjutan di PDI, Bandar Seri Begawan. Manakala Kelas Bimbingan Muallaf di setiap daerah bagi saudara-saudara baru yang telah tamat mengikuti Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari atau yang sudah lama memeluk agama Islam.



PENOLONG Pegawai Perkembangan Ugama, Kuala Belait, Dayang Hajah Salimah binti Haji Hassan menyampaikan cenderamata kepada ketua keluarga, Juman anak Atu@ Muhammad Juman bin Abdullah Atu.

Bagaimana kedudukan puasa perempuan *Mustahadhah*?

SAMBUNGAN

ii. *Al-Mutahayyirah yang ingat tarikh haidhnya tetapi lupa tempohnya.*

Mustahadhah dalam kumpulan ini ingat atau tahu bila haidhnya bermula (tarikh mula haidh) tetapi lupa tempoh atau jangka masa haidh yang dilaluinya sebelum ini. Misalnya dia mengatakan bahawa setiap 1 haribulan dia didatangi haidh tapi lupa berapa lama tempohnya. Maka hari haidhnya adalah 1 hari bulan dengan yakin. Hari bersihnya pula adalah 16 hari bulan sehingga 30 hari bulan dengan yakin. Manakala 2 hari bulan sehingga 15 hari bulan adalah hari dia ragu adakah dia haidh atau bersih.

Untuk menentukan tempoh haidhnya, maka perempuan ini mempunyai tiga keadaan dengan hukum yang berlainan, iaitu:

(a) Menentukan hukum berdasarkan hari haidh (yakin haidh iaitu pada tarikh haidh bermula).

Pada hari dia yakin haidh iaitu pada tarikh haidh mula keluar, maka dia dihukumkan dalam keadaan haidh yakni hendaklah dia menahan dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang semasa haidh.

(b) Hari kemungkinan mengalami haidh atau

telah suci (ragu antara haidh atau suci).

Hukumnya:

- Pada hari kemungkinan dia mengalami haidh atau telah suci iaitu dari hari kedua sehinggalah hari yang ke lima belas dari tarikh bermulanya haidh, maka dia adalah seperti *mustahadhah* dalam kumpulan *al-mutahayyirah al-muthlaqah* iaitu wajib berhati-hati. Dalam keadaan ini, dia hendaklah mengerjakan semua ibadat yang dituntut termasuklah berpuasa, akan tetapi dia ditegah melakukan jimak dengan suaminya.

- Jika dia mengagak pada hari tersebut dia telah suci dari haidh atau darahnya telah berhenti, maka wajib dia mandi (sebelum berwudhu) pada setiap kali sembahyang fardhu setelah masuk waktunya dan wajib baginya melakukan sebarang tuntutan termasuklah tuntutan berpuasa.

- Jika dia mengagak pada hari tersebut dia masih haidh atau darahnya masih keluar (belum berhenti), maka dia hanya wajib berwudhu sahaja pada setiap kali sembahyang fardhu.

(c) Hari suci (yakin suci dari haidh kerana telah melewati tempoh maksima haidh iaitu 15 hari).

Hukumnya: Pada hari dia yakin suci iaitu hari yang ke 16 dari tarikh bermulanya haidh, maka dia adalah dituntut untuk menunaikan

segala kewajibannya termasuklah kewajipan berpuasa.

iii. *Al-Mutahayyirah yang lupa tarikh bermula haidhnya tetapi ingat tempohnya.*

Mustahadhah dalam kategori ini keadaannya ialah dia lupa atau tidak tahu bila haidhnya bermula (tarikh mula haidh) tetapi dia ingat tempoh atau jangkamasa haidh yang dilaluinya sebelum ini.

Sebagai contoh: Dia mengatakan tempoh haidhnya adalah lima hari dalam sepuluh hari yang pertama pada setiap bulan tetapi dia tidak tahu bila haidhnya bermula, namun begitu dia yakin bahawa dia suci pada hari pertama setiap bulan.

Untuk menentukan tempoh haidhnya, maka hukum *mustahadhah* dalam kategori ini juga sama dengan hukum *mustahadhah* dalam kategori *al-mutahayyirah* yang ingat tarikh haidhnya tetapi lupa tempohnya seperti berikut:

(a) Hari haidh: Umpamanya *mustahadhah* merasa yakin bahawa hari dia mengalami haidh ialah pada 6hb pada setiap bulan.

Hukumnya: Pada hari dia yakin mengalami haidh, maka dia dihukumkan dalam keadaan haidh yakni hendaklah dia menahan dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang semasa haidh.



(b) Hari kemungkinan haidh dan suci: Umpamanya *mustahadhah* merasa ragu antara haidh atau suci ialah pada 2hb hingga 5hb dan 7hb hingga 10hb pada setiap bulan.

Hukumnya: pada hari kemungkinan dia haidh atau telah suci, maka dia adalah seperti *mustahadhah* dalam kategori *al-mutahayyirah al-muthlaqah* iaitu wajib berhati-hati. Dalam keadaan ini, dia hendaklah mengerjakan semua ibadat yang dituntut termasuklah berpuasa, akan tetapi dia ditegah melakukan jimak dengan suaminya.

(c) Hari suci: Umpamanya *mustahadhah* yakin bahawa hari dia suci daripada haidh ialah pada 1hb kerana berdasarkan kenyataannya, dia yakin bahawa dia suci pada hari yang pertama dan pada 11hb sehingga 30hb kerana dia memberitahu bahawa haidhnya hanya dalam tempoh 10 hari yang pertama sahaja pada setiap bulan.

Hukumnya: pada hari dia yakin suci, dia adalah dituntut untuk berpuasa.

Sebagai kesimpulan, perempuan yang *mustahadhah* bukanlah dia termasuk orang yang dalam keadaan hadas besar. Dalam perkara ibadat, dia sama seperti perempuan yang suci daripada darah haidh dan darah nifas. Oleh yang demikian, darah *istihadhah* yang keluar itu bukanlah halangan untuk seseorang itu tidak mengerjakan puasa bulan Ramadhan serta menunaikan lain-lain tuntutan agama.

MUSTAHADHAH dalam kumpulan ini ingat atau tahu bila haidhnya bermula (tarikh mula haidh) tetapi lupa tempoh atau jangka masa haidh yang dilaluinya sebelum ini. Misalnya dia mengatakan bahawa setiap 1 hari bulan dia didatangi haidh tapi lupa berapa lama tempohnya. Maka hari haidhnya adalah 1 hari bulan dengan yakin. Hari bersihnya pula adalah 16 hari bulan sehingga 30 hari bulan dengan yakin. Manakala 2 hari bulan sehingga 15 hari bulan adalah hari dia ragu adakah dia haidh atau bersih.

Menjelang Ramadan Al-Mubarak

DALAM beberapa hari saja lagi umat Islam di seluruh dunia akan menyambut ketibaan bulan yang dinanti-nantikan oleh sekalian hamba-hamba Allah iaitu bulan Ramadhan al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan, limpahan rahmat dan keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala serta bulan yang dibukakan bagi hambaNya pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka.

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa". Berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 183 daripada Surah al-Baqarah ini, secara jelasnya berpuasa di bulan Ramadhan adalah satu perintah yang wajib dilakukan serta termasuk dalam rukun Islam yang lima. Allah Subhanahu wa Ta'ala menjanjikan ganjaran yang amat besar bagi hambaNya yang berpuasa di bulan Ramadhan ini dan begitu juga ibadat-ibadat yang dikerjakan di bulan tersebut. Ganjaran serta kelebihan sedemikian tidak diperolehi di bulan-bulan yang lain.



Maka rugilah bagi mereka yang mensia-siakan untuk memperbanyakkan amal ibadat di bulan ini. Mereka yang mengetahui rahsia di sebalik bulan puasa itu, setentunya tidak akan melepaskan peluang merebut pahala yang dijanjikan dengan memperbanyakkan amal ibadat seperti bertadarus Al-Qur'an, memperbanyakkan amalan sedekah, mengeluarkan zakat, memperbanyakkan zikir, beristighfar, melakukan sembahyang-sembahyang sunat terutamanya Sembahyang Sunat Tarawih dan Sunat Witir yang mana amat dituntut dan afdhal dilakukan secara berjema'ah.


Malah kesempurnaan puasa itu bukan sahaja menahan hawa nafsu, makan dan minum di siang hari, bahkan ia merangkumi menjaga dengan menahan seluruh anggota yang lain dari melakukan sebarang perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam erti kata yang lain, semua anggota seperti mulut, mata, telinga, tangan dan kaki turut berpuasa.

Oleh itu, bersyukurlah kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana mempertemukan kita lagi dengan bulan Ramadhan tahun ini. Ambillah kesempatan yang berharga itu dengan berpuasa sebaik-baiknya dan isilah hari-hari di bulan puasa itu dengan memperbanyakkan amal ibadah dan bersedekah. Jadikanlah kedatangan setiap bulan Ramadhan sebagai penggerak yang membawa perubahan besar kepada diri kita sehingga menjadi seorang yang mampu melawan godaan hawa nafsu dan segala pujukan syaitan yang hanya melalaikan dan menutup hati kita dari mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Sangatlah rugi bagi

orang-orang Islam yang menjalani puasa di bulan Ramadhan, akan tetapi tidak merasa apa-apa kesan dari puasanya itu, atau puasanya itu tidak dapat mengubah perangai buruk dan kebiasaan-kebiasaan negatif kepada yang positif.

Ambillah iktibar dan bersyukurlah kita dengan ni'mat keamanan dan kesejahteraan yang di ni'mati di negara kita yang membolehkan kita melaksanakan ibadat dalam keadaan yang sempurna. Tanpa kita melupakan kepayahan umat-umat Islam yang terpaksa menghadapi masalah-masalah yang dilanda seperti bencana alam, kebuluran, penindasan dan kemiskinan tetapi mereka masih tetap mampu melaksanakan ibadat puasa. Semogai badah dan amalan kita di bulan berkah yang akan datang ini diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga kita sentiasa menjadi antara hambaNya yang beramal soleh, bertaqwa dan beriman. Amin Ya Rabbal'alam.

Hindari DADDAH



Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

PENYALAHGUNAAN
Dadah bukan sahaja memberi kesan kepada penggunanya tetapi meluas jangkauannya kepada keluarga, orang di sekelilingnya dan juga kerjayanya. Ianya juga memberi kesan kepada ekonomi negara dan masyarakat.

Oleh itu, adalah penting untuk menyedarkan segenap lapisan masyarakat dengan memberi pendidikan tentang bahaya penyalahgunaan dadah kerana ianya merupakan salah satu senjata penting dalam memerangi dadah.

Pengertian dadah sebenarnya ialah apa jua jenis tumbuh-tumbuhan atau bahan kimia apabila dimasukkan ke dalam tubuh badan sama ada dengan disuntik, ditelan, disapu atau dengan cara apa sekalipun ianya akan merubah fungsi tubuh badan, tingkah laku, daya berfikir dan perasaan seseorang itu.

Pada dasarnya dadah memang diperlukan di dalam kehidupan khususnya di dalam perubatan. Kerana tanpa dadah satu-satu kaedah perubatan dan rawatan itu tidak dapat dilaksanakan. Sebagai contoh dadah yang bersifat *sedative* amat diperlukan bagi tujuan pembedahan kerana ianya berfungsi sebagai pelali, penenang dan penahan sakit. Tetapi kita harus ingat dadah yang digunakan di dalam perubatan adalah dadah mempunyai sukatan yang tertentu dan digunakan mengikut dos-dos yang terhad diseimbangkan mengikut kaedah dan kajian terperinci oleh pengamal perubatan.

KEFAHAMAN

Dalam isu dadah ini, seharusnya kefahaman mengenai dadah hendaklah diterapkan dari rumah lagi, ianya diteruskan boleh menjadi benteng pada anak-anak dengan memberikan kekuatan dan kepercayaan bahawa dadah adalah merosakkan. Maka ibu bapa atau penjaga berperanan bertanggungjawab memberi pendidikan secara berterusan sehinggalah anak-anak itu menjadi dewasa kerana pendidikan itu bermula daripada rumah maka ibu

bapah golongan yang mempunyai kewajipan mutlak dalam menyalurkan pendidikan ini.

Bermula dari pra sekolah (3 hingga 5 tahun), seharusnya ibu bapah menerapkan nilai diri dan apa jua prinsip hidup yang sihat. Ianya disalurkan kepada anak-anak dengan cara yang ringkas, padat mudah diterima oleh anak-anak seperti "Lai, dadah ani busuk, Lai dadah ani jijik" dan untuk lebih memahamkan mereka seperti memicit hidung, menggelengkan kepala dan sebagainya dan jangan jemu melayan kerenah dan pertanyaan anak-anak kerana mereka mudah bertanya dan mempersoalkan apa jua benda yang disampaikan kepada mereka.

Peringkat sekolah (6 hingga 12 tahun), anak-anak sudah mula terdedah berbanding di peringkat *foundasi*. Anak-anak mula bersekolah dan bercampur gaul dengan kawan-kawan. Cabaran ibu bapa juga semakin meningkat. Antara tips yang boleh diimplementasikan di peringkat ini sentiasalah berterusan membincangkan mengenai keburukan dadah, beritahu dan terangkan kepada mereka tentang iklan dan promo pendidikan pencegahan dadah, terangkan perbezaan di antara dadah bagi tujuan perubatan dan dadah yang dikawal, wujudkan satu peraturan jelas dan seimbang tentang bentuk corak perlakuan anak-anak yang ibu-ibu bapa mahukan dan ketahui teman rapat anak-anak. Berbincang sekali-sekala dengan ibu bapa teman anak-anak terutama mengenai bahaya-bahaya dadah.

Di peringkat perakuan (13 hingga 17 tahun), anak-anak akan mulai terdedah dengan persekitaran luar yang luas dan terdedah kepada fahaman dan pengaruh. Di peringkat ini jiwa mereka sentiasa memberontak dan mempunyai imaginasi yang tinggi. Mereka suka mencuba benda-benda baru justeru itu beban ibu bapa semakin besar.

Antara nasihat yang perlu kita berikan termasuklah menerapkan

dengan jelas kepada anak-anak agar mereka faham mengenai keburukan dadah. Jika perlu ajak mereka membuat lawatan ke jabatan tertentu atau galakkan mereka melihat pameran pendidikan pencegahan dadah, memastikan aktiviti di sekolah mereka dan juga selepas persekolahan, Jangan mudah lepas tangan; Ikuti perkembangan anak-anak di sekolah dan berbincang dengan pihak guru yang mengajar anak kita. Ini bertujuan untuk memantau secara berkala dan di masa yang sama mewujudkan hubungan kerjasama dengan tenaga pendidik; pastikan kawan anak-anak sama ada kawan sekolah atau yang dikenali melalui internet. Periksa 'Facebook' mereka dan sentiasa menasihatkan agar jangan menyalahgunakan kemajuan ICT sebaliknya nasihatkan mereka agar memanfaatkan dengan cara yang betul dan adakan perbincangan sesama keluarga sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Dalam peringkat remaja (18 hingga 25 tahun) dianggap kritikal kerana anak-anak sudah mulai membesar dan menuntut kebebasan yang lebih meluas lagi dan tidak mahu dikongkong. Justeru itu, ibu bapa haruslah lebih bijaksana, kreatif dan dinamik dalam mengukuhkan lagi kefahaman

menimpa berlaku di sekeliling kita yang diakibatkan oleh menyalahgunakan dadah; Sentiasa memberikan mereka peringatan (*Frequent Reminder*). Kerana dengan peringatan yang berterusan, kefahaman mereka akan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa; terangkan kepada mereka Akta Penyalahgunaan Dadah dan hukumannya. Pendekatan yang digunakan haruslah berbeza dengan pendekatan di peringkat sekolah rendah ianya haruslah sesuai dengan peringkat umur mereka sekarang.

Di samping digalakkan juga anak-anak melibatkan diri dengan kerja-kerja amal dan berfaedah serta bersukan dan ambil masa dan ruang waktu untuk membincangkan isu bahaya dadah dengan lebih santai.

Peringkat dewasa (25 tahun ke atas), anak-anak bukan lagi di bawah jagaan kita. Mereka sudah mula membina hidup sendiri, berumah tangga dan bahkan tinggal bersendirian. Mereka sudah mampu berfikir matang dalam apa jua aspek kehidupan.

Beberapa perkara yang boleh dikongsikan dalam menangani

anak-anak mengenai bahaya dadah.

Beberapa tips dapat dikongsikan dan dapat diguna pakai dalam memberikan pendidikan yang berterusan antaranya pantau pergerakan anak-anak dengan saksama dan hikmah, salurkan pendidikan (*Teachable Moments*) secara bersahaja sebagai misal pada kejadian buruk yang telah

dengan terus menerus memperingatkan anak-anak kita dengan cara yang penuh hikmah, Jangan menegur secara kasar dengan cara ini dengan sendirinya memberi gambaran kepada mereka bahawa ibu bapa amat menyayangi dan mengasihi mereka, Jika anak-anak sudah berkahwin sekali-sekala tanya kegiatan anak-anak kepada pasangannya tanpa mencampuri urusan rumah tangga mereka; sentiasa ingatkan mereka untuk taat beramal ibadah dan sekali-sekala beriadah dengan anak-anak serta keluarga bagi keutuhan berkeluarga boleh menyumbang kepada pembentukan jati diri.

Dalam hal berfikir, anggota atau ahli keluarga teladan yang sentiasa menjauhi perkara yang samar dan dangkal, sebaliknya berfikir yang nyata, mendalam dan dapat menyelesaikan persoalan. Rumah tangga teladan ialah yang suci bersih serta penghuninya adalah orang-orang yang gemar akan kebersihan, kerana mereka mengetahui Allah itu amat suka kepada orang-orang yang bersih.

Rumah tangga yang teladan ialah ditegakkan di atas sendi yang kukuh yang terdiri dari *sakinah* (ketenangan), *mawadah* (cinta) dan *rahmah* (kasih sayang) serta terhindar daripada hiruk-pikuk, herdik-mengherdik dan tidak terdengar suara menengking atau suara yang kuat di rumah itu maka satu-satunya jalan ialah bagi menumbuhkan sifat lemah lembut, kasih sayang, saling cinta-mencintai dan saling bantu-membantu dalam diri setiap ahlinya.

BKBN
BIRO KAWALAN NARKOTIK
Jabatan Perdana Menteri
Hotline : 8777444



Cegah anak biskita dari DADDAH

panduan untuk ibubapa



Pusat kesihatan baru keselesaan pesakit-pesakit

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



LAKARAN artis bagi Projek Pembinaan PKLK yang dibina di atas tapak seluas 4.45 hektar (11 ekar) dengan kos sebanyak BND14 juta.

LAMBAK KANAN, Isnin, 23 Jun. - Majlis Perletakan Batu Asas bagi Projek Pembinaan Pusat Kesihatan Lambak Kanan diadakan bertempat di kawasan lapang berdekatan Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perletakan batu asas berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Projek tersebut adalah salah satu projek dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10, dan dijangka siap pada bulan Ogos 2015 dengan keseluruhan perbelanjaan pembinaan projek menelan belanja sejumlah BND14 juta di atas tapak seluas 4.45 hektar (11 ekar).

Bangunan baru yang berkonsepkan tiga lantai ini mempunyai keluasan 10,431 meter persegi dan antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di pusat kesihatan berkenaan termasuk Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi seperti Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Flu; Perkhidmatan Kesihatan Ibu-ibu dan Kanak-kanak; Perkhidmatan Pergi-gian; dan Perkhidmatan Farmasi.

Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat dalam bangunan itu termasuk surau, Dewan Kuliah, Bilik Persidangan, lif dan tempat letak kereta.

Dengan kemudahan-kemudahan yang ada disediakan di pusat kesihatan itu nanti, ia akan dapat memberikan keselesaan kepada pesakit-pesakit, di



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Yusof mendahului peletakan batu asas bagi Projek Pembinaan Pusat Kesihatan Lambak Kanan (PKLK) yang dibina di atas tapak seluas 4.45 hektar (11 ekar) dengan kos sebanyak BND14 juta.

samping memberikan perkhidmatan kesihatan yang lengkap, berkualiti dan mudah diperolehi dan menyeluruh kepada para penduduk yang tinggal di Mukim Berakas dan kawasan-kawasan persekitarannya termasuk Kampung Sungai Hanching, Kampung Salambigar, Kampung Sungai Akar, Kampung Sungai Tilong, Kampung Manggis dan Perumahan Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah,

pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan serta pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek berkenaan.

Sementara itu, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pengurusan Estet dan Perkembangan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Noor Hadi bin Haji Noor Kaseh dalam ucapannya antara lain menjelaskan dengan terbinanya bangunan baru itu akan dapat memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk kawasan sekitarnya dengan kemudahan, fasiliti dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan di pusat kesihatan ini nanti.

Rombongan MSPSBS tinjau Jabatan Penerangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SEROMBONGAN pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan semasa diberikan taklimat oleh para pegawai Jabatan Penerangan mengenai beberapa pameran yang dipamerkan di ruang legar bangunan baru jabatan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Tugas dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan adalah selaku lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menjaga imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga membarigakan hasrat kerajaan seperti Wawasan 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 melalui media cetak, komunikasi bersemuka dan media baru.

Demikian dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika mengalu-alukan serombongan pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) ke Jabatan Penerangan.

Rombongan yang diketuai oleh Awang Mohammad Sharin bin Haji Mohammad Said berserta 19 pelajar dari sekolah berkenaan berkesempatan beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab dengan Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Terdahulu, Pemangku Penerangan dan rombongan juga turut mendengarkan sesi taklimat mengenai Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Hajah Noriah binti Haji Abdul Hamid yang antara lain menerangkan mengenai misi, visi, peranan utama, sejarah dan perkembangan jabatan, perkhidmatan dan produk serta peranan dan fungsi utama Unit Perhubungan Awam di Jabatan Penerangan.

Selain itu juga, Bahagian Unit Kemasyarakatan dan Kenegaraan juga menyampaikan taklimat mengenai dengan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjivai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Jabatan Penerangan sejak penubuhannya sehingga sekarang telah berkembang maju dengan memiliki bangunan baru.

Di samping itu, Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI di bawah Jabatan Penerangan diterbitkan tiga kali seminggu iaitu setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu. Manakala berita-berita dalam PELITA BRUNEI juga boleh dilayari melalui online sejak Julai 2007.

Lawatan antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan dan maklumat mengenai sistem pentadbiran negara untuk para pelajar ketahui dan mengemaskinikan diri mereka dengan pengetahuan dan maklumat penting mengenai negara ini.

Sebelum menamatkan lawatan, rombongan dibawa melawat ke Pameran Mini dan melihat secara lebih dekat Bahagian PELITA BRUNEI.

Enam pelajar berbakat sains ke Thailand

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Enam pelajar yang berbakat dalam bidang Sains berserta dua guru pengawas berlepas meninggalkan negara bagi menyertai '3rd ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey (APTJSO)' di Pathum Thani, Thailand, hari ini.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belajar ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad.

Para pelajar terdiri daripada Awang Mohd Amir Putera Razzaqharfan Hakeemuddin bin Haji Yacob dan See Jia Shuen dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Teo Zhi Peng dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Dayang Nurul Atiqah binti Haji Abu Bakar dari Pusat Tingkatan Enam Meragang, Caitlin Elizabeth Sim dari Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait dan Dayang Siti Norsabrina binti Mohammad Shafie dari Sekolah St. Margaret.

Manakala dua guru pengawas terdiri daripada Awang Khairul Azmi bin Haji Mohd Kassim dan Dayang Hayatul Fakhriah binti Mahari dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, yang mana guru-guru terpilih ini akan menghadiri program guru yang berasingan seperti kuliah khas dan pembentangan.

Para pelajar yang menyertai APTJSO ini akan berada di Pathum Thani, Thailand selama seminggu bermula 23 hingga 29 Jun nanti.

Program berprestij ini merupakan anjuran bersama Muzium Sains Nasional (NSM) dan Pusat ASEAN Plus Three bagi yang berbakat dalam bidang sains (ACGS) yang bertujuan



PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad (empat dari kiri) semasa mengucapkan selamat belajar kepada para pelajar berserta dua guru pengawas yang berlepas meninggalkan negara bagi menyertai '3rd ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey (APTJSO)' di Pathum Thani, Thailand.

menggalakkan dan mencabar pelajar berbakat sains ini untuk cemerlang dalam bidang Sains dan Teknologi serta memberikan peluang kepada pelajar untuk memupuk persahabatan dan rangkaian di rantau ASEAN Plus Three.

Antara program yang akan dijalankan ialah berpeluang menghadiri kuliah dan eksperimen dengan tema 'Innovative Agriculture for Global Sustainability' selain bertanding dalam pembentangan poster, penilaian kemahiran makmal dan pembentangan projek kumpulan.

Penghantaran wakil pelajar dan guru mengambil bahagian dalam APTJSO tahun ini merupakan kali ketiga bagi Negara Brunei Darussalam.

Seramai 48 pelajar dan 28 guru dari lapan buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Republik Korea, Nigeria, Republik Filipina, Sweden dan Thailand akan mengambil bahagian pada acara yang berprestij ini.

Sementara itu, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah

APTJSO pada tahun 2012, yang mana ianya dianjurkan bersama oleh Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pusat ASEAN Plus Three ACGS, Universiti Brunei Darussalam dan Kementerian Pembangunan.

Seramai 63 pelajar sains berbakat dari negara-negara ASEAN Plus Three iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Rakyat China, Republik Filipina, Republik Korea, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam dan juga Sweden sebagai negara pemerhati telah mengambil bahagian dan bertanding dalam penilaian kemahiran makmal dan projek kerja lapangan dalam tiga bidang Sains Fizik, Kimia dan Biologi.

Ianya diiringi oleh lapan belas guru sains dari negara-negara anggota ASEAN yang telah menyertai Program Bengkel Guru berasingan.

Manakala pada tahun 2013, enam pelajar dan dua guru pengawas mewakili negara untuk mengambil bahagian di APTJSO yang diadakan di Akademi Sains Korea di Busan, Republik Korea.

Mesyuarat bincang kerjasama keselamatan global

RUSIA. - Mesyuarat Antarabangsa Pegawai Peringkat Tinggi Bertanggungjawab Bagi Perkara-Perkara Keselamatan Ke-5 telah diadakan di Hotel Korston-Kazan, Kazan City, Persekutuan Rusia pada 18 hingga 21 Jun 2014.

Delegasi Negara Brunei Darussalam di mesyuarat tersebut diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Mesyuarat dihadiri oleh delegasi daripada 61 buah negara itu membincangkan tiga isu utama iaitu: 'Masalah-Masalah Memerangi Ancaman Dadah Global', 'Kerjasama Antarabangsa Menentang Penggunaan Migrasi Haram Oleh Kumpulan Jenayah Antarabangsa' dan 'Biologi sintetik - Prospek Teknologi dan Risiko'.

Mesyuarat merupakan inisiatif Persekutuan Rusia bagi mengeratkan hubungan kerjasama berkaitan keselamatan secara global khususnya

terhadap ancaman dan kebimbangan keselamatan terkini. Mesyuarat dibuka secara rasmi oleh Presiden Republik Tatarstan, Tuan Yang Terutama Rustam Minnikhanov.

Ia dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Rusia, TYT Nikolai Patrushev. Mesyuarat diakhiri dengan kenyataan pengerusi yang antara lain menengahkan kepentingan untuk meneruskan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Tertinggi di masa akan datang. Ini termasuklah juga tajuk-tajuk dan cabang-cabang keselamatan dalam mengukuhkan keselamatan serantau dan antarabangsa dalam mesyuarat-mesyuarat yang akan datang. Persekutuan Rusia akan terus menganjurkan dan menjadi hos kepada mesyuarat yang sama pada tahun hadapan di tempat yang akan ditentukan kemudian.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Dimulikan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan ucapan di bawah tajuk 'Masalah Memerangi Ancaman Dadah

Global' yang antara lain menyuarakan kebimbangan yang dikongsi bersama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap peningkatan ancaman berkaitan dadah pada peringkat global.

Yang Dimulikan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menyentuh mengenai komitmen tinggi Negara Brunei Darussalam dalam menangani ancaman dadah, termasuk dengan menjadi hos kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Kedua Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) Mengenai Perkara-Perkara Dadah Ke-2 September 2013 dalam mana Menteri-menteri ASEAN mengambil maklum usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan dadah ASEAN dalam usaha yang berterusan bagi mencapai hasrat merealisasikan visi ASEAN Bebas Dadah Menjelang 2015.

Delegasi mesyuarat juga telah diundang untuk menghadiri Festival 'Sabantuy' yang merupakan pesta



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetuai delegasi ke Mesyuarat Antarabangsa Pegawai Peringkat Tinggi Bertanggungjawab Bagi Perkara-Perkara Keselamatan Ke-5 telah diadakan di Hotel Korston-Kazan, Kazan City, Persekutuan Rusia.

percutian kebangsaan bagi Republik Tatarstan yang diadakan di Bandar Mirny, Kazan. Di antara orang-orang kenamaan yang menghadiri festival tersebut adalah Presiden Republik Tatarstan dan Setiausaha Majlis Keselamatan Rusia.

Delegasi Negara Brunei Darussalam

ke mesyuarat tersebut termasuklah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia, TYT Awang Haji Haini bin Haji Hashim dan pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Institusi kehakiman teras keutuhan undang-undang negara

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin



ACARA menandatangani plak peletakan batu asas bangunan oleh kedua-dua Ketua Hakim iaitu Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (kiri) dan Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli (kanan).



PENGARAH Kehakiman Negara, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, selaku Pengerusi Bersama majlis semasa berucap pada Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Baru Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong.

Bukit Bendera, Mukim Pekan Tutong, di sini.

"Sehubungan dengan itu, di dalam usaha bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai usaha telah dilaksanakan sama ada dari segi peningkatan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran pegawai-pegawai kehakiman berteraskan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme mahupun usaha-usaha berterusan di dalam membuat menambatkan ke atas sistem dan proses mahkamah termasuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di dalam pengurusan mahkamah, malah salah satu teras utama yang difokuskan di dalam perancangan Jabatan Kehakiman Negara (JKN) ialah bagi menyediakan infrastruktur bangunan bagi setiap mahkamah yang lengkap, selesa dan selamat," ujar beliau.

Menurutnya, tujuan utama projek ini yang dibina di atas sebidang tanah lima ekar itu diadakan adalah untuk membina sebuah bangunan kekal yang khusus bagi penempatan kedua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Daerah Tutong di bawah satu bumbung. Pelaksanaan projek ini akan mewujudkan penempatan dan suasana yang bersesuaian dan selesa untuk kedua-dua mahkamah berkenaan bagi melaksanakan fungsinya dengan baik dan sempurna.

Dengan adanya bangunan ini nanti jelasnya, terdapat lima buah bangunan mahkamah kekal dibina iaitu

Bangunan Mahkamah Tinggi Bandar Seri Begawan (BSB), Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah Syariah BSB, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah Majistret BSB dan Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Belait.

Perancangan untuk membina sebuah bangunan mahkamah kekal di Daerah Temburong juga di dalam perancangan jabatan, yang mana pada masa ini sebidang tanah di kawasan Kampung Gadong seluas lima ekar telah digazetkan bagi pembinaan bangunan mahkamah berkenaan pada masa akan datang.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairul Azmy bin Haji Bakar dan beliau antara lain menerangkan mengenai latar belakang projek pembinaan bangunan baru Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong.

Atur cara majlis diteruskan dengan acara peletakan batu asas yang disempurnakan oleh kedua-dua Ketua Hakim iaitu Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli dan Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Bagi tujuan kenang-kenangan dan rujukan majlis berkenaan, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dan Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie telah menandatangani plak peletakan batu asas bangunan tersebut dan seterusnya menyaksikan pameran dengan diberikan penerangan mengenai reka bentuk bangunan bagi Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong disampaikan oleh arkitek projek dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan.

Penandatanganan kontrak di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kontraktor yang berjaya mendapat tawaran membina Bangunan Baru Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong iaitu Metrobina & Partners Sendirian Berhad telah diadakan pada 8 Mei 2014 yang lalu dan akan dijangka siap pembinaannya pada 7 Januari 2016. Perbelanjaan pembinaan bangunan ini termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 dengan harga kontrak sebanyak BND15,351,046.77.

Dengan siapnya bangunan baru ini nanti, kedua-dua Mahkamah

Majistret dan Mahkamah Syariah Daerah Tutong akan ditempatkan di bawah satu bangunan yang sama yang lebih kondusif berbanding dengan bangunan yang sedia ada pada masa ini iaitu di bangunan lama Pejabat Daerah Tutong, Jalan Inchee Awang.

Bangunan baru berkenaan akan mempunyai sebuah Dewan Perbicaraan Mahkamah Tinggi dan enam buah Dewan Perbicaraan Mahkamah Rendah bagi kegunaan kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Projek tersebut diharap akan menjadi bangunan mercu tanda bagi kepentingan institusi

kehakiman Negara Brunei Darussalam khususnya di Daerah Tutong.

Turut hadir pada majlis itu ialah Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim-Hakim Mahkamah Sivil, jemputan-jemputan khas, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Tutong, Pegawai Daerah Tutong, pengarah-pengarah dari agensi-agensi penguatkuasaan, ketua-ketua pendaftar dan pegawai-pegawai kanan kedua-dua mahkamah serta pegawai dan kakitangan JKN.

Promosikan seni khat Jawi

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 23 Jun. - Seramai 30 belia dan beliawanis mewakili masjid-masjid, surau dan balai ibadat di daerah ini menyertai Bengkel Tahsinul Khat (Khat Jawi) yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Bengkel dimudah cara oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (Kawasan 1) Daerah Temburong, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis dengan hanya memperkenalkan atau menunjuk cara satu jenis tulisan khat Jawi iaitu Khat Thuluth.

Dianjurkan buat kali kedua oleh Masjid Utama Mohammad Salleh, bengkel selama dua hari ini antara lain bertujuan untuk mempromosikan seni khat Jawi kepada masyarakat dan juga untuk menilai sejauh mana mutu tulisan khat Jawi para peserta bengkel dan pengetahuan mereka terhadap khat Jawi, di samping untuk mempelbagaikan lagi aktiviti masjid bagi menarik minat masyarakat amnya dan juga para belia khususnya.

Selain itu, bengkel juga merupakan salah satu program atau aktiviti jangka panjang Takmir Masjid Utama Mohammad Salleh khasnya untuk para belia dan beliawanis di daerah ini yang secara tidak langsung diharap agar dapat memberi galakan kepada generasi baru khasnya para belia untuk mencintai khat Jawi.

Dengan adanya bengkel sedemikian diharap boleh menjadikan khat Jawi sebagai satu simbol keislaman yang perlu ditonjolkan kepada generasi baru supaya tidak pupus ditelan zaman.



PARA peserta Bengkel Tahsinul Khat (Khat Jawi) yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Forum Kepimpinan dan Tanggungjawab Dalam Rumahtangga

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Selasa, 17 Jun. - Kementerian Pertahanan melalui Pejabat Bahagian Ugama, Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia (JPTM), menganjurkan Forum Keluarga sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2014, bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Forum keluarga bertajuk 'Kepimpinan dan Tanggungjawab Dalam Rumahtangga' itu dipengerusikan oleh Pegawai Ugama Kementerian Pertahanan, Awang

Ikram bin Haji Nokman serta dua ahli panel jemputan iaitu Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri; dan Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Hajah Zaliha binti Haji Abu Salim.

Antara perkara yang disentuh dalam forum tersebut ialah mengenai perkahwinan, yang mana perkahwinan itu adalah perkongsian hidup yang disahkan oleh agama dan perundangan negara.

Salah satu tujuan utama berumah tangga ialah untuk menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan, yang mana mereka boleh

meletakkan syahwatnya di tempat yang halal dan diberikan ganjaran pahala di setiap perkara baik yang dilakukan bersama.

Turut disentuh ialah matlamat utama perkahwinan menurut Islam iaitu untuk mendapatkan keturunan atau penyambung generasi muda.

Terdahulu majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat suci Al-Qur'an secara Hafiah Berkumpulan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Ugama Kementerian Pertahanan, Awang Haji Rosli bin Haji Batang.

Program tersebut adalah merupakan salah satu usaha Kementerian Pertahanan, dalam mengukuhkan institusi keluarga warga kementerian khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selain menggalakkan mereka mencintai majlis-majlis ilmu yang berkebakikan.



PEMANGKU Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa hadir pada Forum Keluarga Sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2014 bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

12 pegawai tamat Program Kepimpinan Muda PDB



PESURUHJAYA Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor semasa menyampaikan sijil kepada seorang peserta Program Kepimpinan Muda PDB 2014.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) terus berusaha meningkatkan kemahiran dan kualiti pegawai-pegawai kanan dengan

menjalani Program Kepimpinan Muda PDB 2014.

Seramai 12 pegawai kanan PDB daripada pelbagai jabatan dan unit telah menamatkan program tersebut

dengan menerima sijil masing-masing di Dewan Banquet Mess Pegawai Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Program yang bermula 5 Mei lalu berakhir hari ini dengan pesertanya menerima sijil daripada Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor.

Tiga orang pengendali program masing-masing ialah Colin Jones, Robert Crawford dan Penguasa Detektif, Mark Smkith telah diundang dari Kolej Kepolisian Bramshill, United Kingdom.

Ketika menjalani program yang kebanyakannya secara lisan meliputi pelbagai teori dan teknik bagi pengurusan muda dan isu-isu memimpin pasukan serta termasuk menyelesaikan tugas projek dengan pilihan sendiri yang berkaitan dengan merangka, melaksana dan membawa perubahan positif dalam pasukan polis.

Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Mohd. Shah Al-Islam, pengarah-pengarah dan pegawai memerintah PDB.

Pemimpin Pengakap tamat latihan kepimpinan asas Manikayu



PESERTA kursus bergambar ramai selepas menerima sijil.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Jun. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan telah berjaya mengendalikan Kursus Asas Manikayu (*Basic Woodbadge Course*) bagi Bahagian Pengakap Tunas dan Bahagian Pengakap Muda kepada Pemimpin Pengakap, Penolong Pemimpin Pengakap dan ahli Pengakap Kelana baru-baru ini.

Kursus Asas Manikayu adalah kesinambungan latihan kepimpinan yang dikhususkan kepada Pemimpin Pengakap, Penolong Pemimpin dan ahli Pengakap Kelana yang menjurus kepada kefahaman mengenai prinsip dan falsafah Pengakap, kaedah

berpengakap dan belajar sambil membuat (*learning by doing*).

Seramai 15 peserta telah berjaya mengikuti kursus bahagian Pengakap Tunas dan seramai 35 peserta pula mengikuti bahagian Pengakap Muda selama tiga hari dua malam yang diadakan bertempat di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong.

Turut menyertai kursus adalah Pemimpin Pengakap dan tenaga pengajar dari Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Sepanjang mengikuti kursus selama tiga hari ini, peserta bukan sahaja diberikan pendedahan dan tunjuk ajar kepada ilmu kepimpinan di dalam berpengakap malah didedahkan

mengenai peranan serta tanggungjawab dan ketahanan mental juga fizikal yang perlu mereka mainkan di dalam melaksanakan tugas sebagai seorang Pemimpin mahupun sebagai Penolong Pemimpin di dalam Pasukan Pengakap masing-masing.

Sebanyak 15 sesi pembelajaran telah disampaikan oleh jurulatih-jurulatih Pengakap kepada peserta kursus di bahagian Pengakap Tunas manakala sebanyak 16 sesi di bahagian Pengakap Muda.

Selain daripada kegiatan latihan dan teori mengenai ilmu Pengakap. Peserta turut berkhemah juga diberikan latihan praktikal seperti merancang program, mengendalikan Istiadat-Istiadat Pengakap (*Scout ceremony*), ikatan

Anak-anak cemerlang ABDB terima anugerah



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar General Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah menyampaikan hadiah dan sijil kepada Dayangku Nur Amiza Izzati binti Pengiran Azmali pelajar cemerlang dalam peperiksaan PSR di Majlis Meraikan Anak-Anak Cemerlang ABDB sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-53.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BERAKAS, Jumaat, 20 Jun. - Seramai 77 anak-anak cemerlang Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menerima anugerah mengikut kategori peperiksaan masing-masing sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-53, hari ini.

Para penerima terdiri daripada seorang penerima anugerah bagi Peperiksaan Awam Peringkat 'A', lima orang bagi Peperiksaan Awam Peringkat 'O', 34 orang penerima bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan 37 orang penerima bagi Peperiksaan Sekolah Rendah Ugama Darjah Enam.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar General Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah, berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison.

Pada tahun ini, dua pelajar telah terpilih sebagai penerima anugerah cemerlang iaitu Dayang Siti Amal Naqyyah binti Haji Kamaluddin yang memperolehi 3 gred A dalam Peperiksaan Awam Peringkat 'A'

dan Dayangku Nabilah binti Pengiran Haji Hapiz dipilih sebagai penerima anugerah cemerlang bagi Peperiksaan Awam Peringkat 'O' dengan memperolehi 8 gred A dan 1 gred B.

Selain hadiah sumbangan daripada ABDB, mereka juga menerima hadiah sumbangan DST Sendirian Berhad.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan yang diselitikan di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diadakan pada setiap tahun sempena Hari Ulang Tahun ABDB.

Ia juga sebagai satu penghargaan yang diberikan kepada anak-anak anggota ABDB yang telah memperolehi pencapaian yang cemerlang di dalam peperiksaan awam bagi tahun 2013.

Penganugerahan ini juga bertujuan untuk menyuntik lagi semangat kepada para penerima serta memberikan motivasi dan galakan kepada anak-anak anggota yang lain untuk mencapai keputusan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

dan simpulan (*knotting*), latihan kawad kaki dan kawad tongkat (*marching*), pertolongan cemas (*first aid*), pemerhatian (*observation*), pengembaraan (*hiking*), persembahan malam Pengakap (*Scout night*) juga perbincangan dalam kumpulan serta membentangkan hasil perbincangan secara individu bagi menambah keyakinan mereka.

Majlis Penyampaian Sijil

Penyertaan dan Penghargaan Kursus telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali kepada jurulatih Pengakap, pembantu kursus, Pemimpin Pasukan Pengakap dan peserta kursus.

Turut hadir Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, Pesuruhjaya Pengakap Daerah dan Pemimpin-Pemimpin Pasukan Pengakap.

Kadet Tentera ABDB, NCC diraikan



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Republik Singapura diraikan pada Majlis Malam Penghargaan berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pemerintah ABDB dan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Yussof bin Haji Abd. Rahman.

Seramai 20 kadet tentera lelaki dan wanita dari kedua-dua buah negara menyertai program pertukaran tersebut.

Tujuan program ini adalah untuk menimba dan berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman di kalangan mereka melalui aktiviti-aktiviti ketenteraan.

Program latihan ini telah bermula pada 15 hingga 22 Jun 2014 merupakan satu program interaksi dan latihan pengenalan hutan yang dikendalikan setiap tahun penggal cuti persekolahan sebagai pertukaran di antara kedua-dua belah pihak.

Ini juga merupakan program kali kesepuluh dan dikenali sebagai BRUSING KADET.

Program tersebut melibatkan usaha sama di antara Kementerian Pertahanan dengan Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Politeknik Brunei.

Melalui program tersebut, mereka dapat menjalinkan lagi hubungan erat dan membentuk semangat setia kawan serta sikap bertanggungjawab agar wujud kesefahaman dan kerjasama sesama para ahli kadet tentera di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Pada majlis itu, Pegawai Pemerintah Pasukan Kadet Tentera ABDB, Pengiran Haji Hamdiah bin Pengiran



PEMANGKU Timbalan Pemerintah ABDB dan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Yussof bin Haji Abd. Rahman semasa menyampaikan cenderamata kepada peserta yang menyertai program pertukaran tersebut.

Haji Hashim selaku Pengerusi majlis menyatakan, program tersebut akan dapat mengukuhkan lagi persahabatan dan hubungan baik antara kedua-dua buah negara yang telah ditubuhkan

dalam pelbagai peringkat.

Seterusnya beliau berharap persahabatan melalui program itu juga dapat terus berkembang pada masa akan datang.

PEGAWAI Pemerintah Pasukan Kadet Tentera ABDB, Pengiran Haji Hamdiah bin Pengiran Haji Hashim selaku Pengerusi Majlis ketika berucap pada Majlis Malam Penghargaan Kadet Tentera ABDB dan NCC Republik Singapura.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Jun. - Para peserta Program Pertukaran Kadet Tentera antara Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan National Cadet Corps (NCC)

Peserta Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara terima sijil



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyerahkan sijil kepada seorang kakitangan Jabatan Penerangan yang telah mengikuti Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) selama tiga hari yang bermula pada 16 Jun lalu berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Terdahulu, Pegawai Luar Jabatan Penerangan, Awang Haji Madon bin Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya berkata, bengkel selama tiga hari tersebut telah membuka minda beliau, selain dapat mempelajari banyak perkara baru baik dari segi teknikal, teori dan praktikal.

Beliau berharap kursus ini akan menjadi satu pencetus pemikiran bagi para peserta termasuk dirinya untuk terus ke depan dan menimba ilmu, seterusnya mencari inovasi baru khususnya dalam hal teknikal penyediaan sistem pembesar suara.

Menurutnya, sistem penyediaan pembesar suara adalah 'core business' Jabatan Penerangan kerana jabatan ini merupakan sebuah agensi yang terkenal dan memang dikenali ramai

dalam hal ehwal penyediaan sistem pembesar suara sama ada di peringkat kecil hinggalah di peringkat besar yang mana melibatkan keberangkatan kerabat diraja.

"Sehubungan dengan itu adalah menjadi satu kemestian supaya kami melengkapkan diri kami dengan ilmu yang terbaik dan yang terkini khususnya dalam penyediaan perkhidmatan pembesar suara," tambahnya.

Menurutnya lagi, gabungan di antara ilmu pengetahuan dan kualiti peralatan akan menghasilkan sistem pembesar suara yang mantap.

Seramai 39 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah mengikuti bengkel tersebut.

Bengkel dikendalikan oleh Penolong Jurutera Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Mohd. Rosdie bin Abdul Razif.

Bengkel merupakan salah satu program pembangunan kapasiti di bawah Memorandum Persefahaman Bidang Penerangan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia.

Bincang perkembangan perniagaan BIMP-EAGA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur: Brunei Darussalam- Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP - EAGA) dilihat sebagai asas penting bagi integrasi politik, sosial dan ekonomi di rantau ASEAN.

Dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community - AEC) 2015 yang semakin dekat adalah penting untuk memastikan kredibiliti BIMP - EAGA dalam jangka panjang, berdaya maju serta berkemampuan dengan mengukuhkan inisiatif penumpuan melalui koridor pertumbuhan kerjasama sedia ada di kawasan rantau kecil yang menggalakkan dalam bidang perdagangan, pelaburan dan sektor pelancongan dengan tujuan untuk menyumbang kepada matlamat rantau merealisasikan AEC 2015.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kumpulan Kerja Pembangunan Perusahaannya Kecil dan Sederhana (PSK) Ke-2 (Small and Medium Enterprises Development - SMED Working Group Meeting) selama dua hari bermula hari ini hingga 19 Jun 2014.

Hadir merasmikan mesyuarat yang berlangsung di Airport Mall, Berakas itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Khairuddin bin Abdul Hamid.

Mesyuarat dua hari tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Kumpulan Kerja BIMP-EAGA SMED, Timbalan Menteri Penyelidikan dan Pembangunan Koperasi dan Sumber PKS, Kementerian Pembangunan Koperasi dan PKS Republik Indonesia, Meliadi Sembiring.

Antara agenda yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut



TIMBALAN Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Khairuddin bin Abdul Hamid (empat dari kiri) ketika bergambar ramai di Ekspo Kebudayaan Bersepadu BIMP-EAGA 2014 (BIMP-EAGA Integrated Culture Expo 2014) telah berlangsung di Atrium, Airport Mall, Berakas.

termasuklah Pelan Tindakan Kumpulan Kerja SMED 2014-2015 serta ulasannya dengan perkembangan dan pencapaian oleh Kumpulan Kerja SMED seperti yang ditetapkan dalam Rangka Tindakan BIMP-EAGA.

Mesyuarat itu juga turut membincangkan kaedah masa depan dalam membangunkan Inovatif PKS BIMP-EAGA sebagai juara termasuk Perkongsian Amalan Terbaik dalam bidang Akses PKS ke Pasaran.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut juga KPSSU dengan kerjasama Majlis Perdagangan BIMP-EAGA (BIMP-EAGA Business Council - BEBC) Negara Brunei Darussalam juga turut menganjurkan Ekspo Kebudayaan Bersepadu BIMP-EAGA 2014 (BIMP-EAGA Integrated Culture Expo 2014) selama lima hari bermula dari 18 hingga 22 Jun 2014 di Atrium, Airport Mall, Berakas.

Majlis pelancaran ekspo tersebut dimulakan dengan ucapan Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Khairuddin yang antara lain menyatakan bahawa Mesyuarat BIMP-EAGA SMED Kedua ini adalah penting dalam mengkaji semula apa yang telah dilakukan pada tahun-tahun lalu sebagai rantau

kecil, sebagai satu kumpulan kerja dan sebagai sebuah negara.

Beliau yakin mesyuarat ini akan mencatatkan satu lagi tindakan yang seiring dengan keutamaan bagi meningkatkan lagi pembangunan PKS di rantau BIMP-EAGA, selain menyokong objektif jangka panjang BIMP-EAGA iaitu mewujudkan BIMP-EAGA sebagai 'Food Basket' serantau dan menggalakkan BIMP-EAGA sebagai destinasi ekopelancongan perdana.

Ekspo akan mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan dari negara-negara BIMP-EAGA terdiri dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina.

Selain pameran, pelbagai aktiviti juga diadakan setiap hari termasuk Forum BIMP-EAGA berdasarkan empat teras strategik BIMP-EAGA iaitu 'Food Basket', Pelancongan, Perhubungan dan Alam Sekitar.

BEBC juga turut menganjurkan aktiviti-aktiviti kekeluargaan yang menyeronokkan seperti pertandingan memasak, pertandingan melukis dan banyak lagi.

Sebarang pertanyaan mengenai ekspo tersebut, bolehlah melayari laman sesawang www.padian.com.

MPK Pengkalan Batu kendalikan Majlis Bertahlil, Doa Arwah



HADIR selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (dua dari kiri) yang juga selaku Penasihat MPK Pengkalan Batu.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

MUKIM PENGKALAN BATU, Jumaat, 20 Jun. - Perpaduan penduduk kampung menjadi bertambah kukuh dan erat dengan adanya keharmonian dan kemuafakatan sesama mereka melalui kegiatan atau aktiviti secara bergotong-royong seperti muzakarah dan sebagainya.

Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung umpamanya merupakan salah satu acara tahunan dan bukan perkara baru bagi masyarakat kita di negara ini, malah ia seakan menjadi satu kebiasaan dalam memupuk para penduduk kita hidup berjiran dan saling bantu-membantu dalam sebuah institusi hidup berkampung.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pengkalan Batu mengadakan majlis berkebajikan itu

bagi kali yang ke-17 berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Parit, Mukim Pengkalan Batu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, yang juga selaku Penasihat MPK Pengkalan Batu.

Pada majlis itu, bacaan tahlil dan doa telah dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Pengkalan Batu.

Melalui acara berkebajikan itu sudah setentunya mengeratkan lagi ukhwa persaudaraan sesama Muslim, di samping mengharapkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Lawatan pemantauan Majlis Khatam Al-Qur'an

Berita dan Foto:
Hernie Suliana Haji Othman



SUASANA sekitar pemantauan Majlis Pembacaan Al-Quran 68 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Bagi Daerah Tutong.

TUTONG, Juma'at, 20 Jun. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap, mengadakan lawatan pemantauan ke Majlis Pembacaan Al-Quran 68 Kali Khatam Bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Bagi Daerah Tutong, berlangsung di Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, di sini.

Majlis Khatam Al-Qur'an tersebut merupakan salah satu acara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68 tahun dengan melibatkan seramai 408 orang pembaca daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) yang terdiri daripada enam kategori iaitu peserta lelaki dewasa, perempuan dewasa, belia lelaki, beliawanis, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Majlis Pelancaran Membaca Al-Qur'an 68 Kali Khatam Ahli-ahli MPMK Bagi Daerah Tutong telah diadakan di Masjid Hassanal Bolkih, Tutong pada 10 Mac lalu dan disempurnakan oleh

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Di samping itu juga, Majlis Khatam diadakan bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Majlis Khatam Al-Quran 68 Kali Khatam Bagi Ahli-ahli MPMK Seluruh Negara ini juga diadakan bagi mendukung hasrat Kebawah DYMM sebagai sebuah Negara Zikir, di samping ia merupakan manifestasi penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Negara sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini ke arah perpaduan yang kukuh dan kesejahteraan yang penuh harmoni.

Hadir sama di majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Ketua-Ketua Jabatan di bawah KHEDN; Penghulu-Penghulu Mukim; dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Tutong.

Ambil iktibar peristiwa Israk Mikraj

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Jun. - Peristiwa Israk dan Mikraj yang disaksikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seharusnya mengingatkan kita semua akan perkara-perkara yang akan terjadi, jika kita tersesat daripada perbuatan yang akan menyalahi akidah.

Segala balasan daripada perbuatan yang ditegah sebagai seorang Islam sememangnya akan memberikan kesan yang buruk malah pembalasan yang dahsyat juga sudah digariskan.

Yang Di-Pertua, Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU), Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah menjelaskan demikian pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

Oleh itu jelasnya, sebagai ahli-ahli profesion kejururawatan dan bidan dalam pelbagai bidang, pengalaman etika kerja yang berpegang kepada prinsip dan etika profesion kejururawatan hendaklah dipatuhi supaya jururawat dan bidan akan mendapat ganjaran bukan saja di dunia malah juga di akhirat nanti.

Menurutnya, sebagai ahli kepada PENJURU, semua peringkat jururawat dan bidan yang beragama Islam, mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam mengamati akan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beliau seterusnya menjelaskan, para jururawat dan bidan disaran untuk sentiasa mengutamakan akan ciri-ciri, memberikan khidmat bakti kepada masyarakat yang memerlukan pemeduliaan dan perawatan tanpa mengira apa pun latar belakang, kepercayaan, sosioekonomi dan budaya mereka.

Di samping itu, beliau juga menyentuh mengenai PENJURU sebagai badan profesional kejururawatan, perbidanan dan semua petugas kesihatan yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat untuk Negara Brunei Darussalam mempunyai tugas-tugas penting di dalam mendukung

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

segala matlamat Kementerian Kesihatan ke arah pemberian perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Jelas Yang Di-Pertua PENJURU, di samping tugas rasmi, ahli PENJURU juga mempunyai komitmen untuk memajukan perkembangan profesional mereka melalui peningkatan kemahiran dan pengetahuan di bidang-bidang tertentu.

"In shaa Allah beberapa rangka kerja akan diaturkan oleh PENJURU untuk memenuhi akan kehendak peningkatan diri dan profesion kejururawatan melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang sama ada di dalam dan di luar negara," ujarnya.

Pada majlis itu, Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Md. Jaafar hadir selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Ketua-ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Pengarah Perkhidmatan dan Kesihatan, pengarah-pengarah; pengetua-pengetua pegawai jururawat, pegawai jururawat kanan; dan ahli-ahli PENJURU.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Israk dan Mikraj bertajuk

'Iktibar Peristiwa Israk Mikraj, Menjana Produktiviti dan Prestasi' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ali Hassan bin Mohd. Said.

Antara inti pati ceramah beliau menyentuh mengenai iktibar yang diambil oleh umat Baginda Rasulullah semasa peristiwa Israk dan Mikraj Baginda pada lebih seribu 1400 tahun yang lalu.

Jelas beliau lagi, apa yang kita capai dalam memperingati peristiwa tersebut ialah hubungan kesannya terhadap manusia sebagai pegawai dan kakitangan yang bekerja adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, sebelum memulakan tugas, kita hendaklah berdo'a kepada-Nya agar dilimpahi rahmat.

Majlis petang ini juga diselenggarakan dengan meraikan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai jururawat baru di Kementerian Kesihatan.

Tujuan majlis diadakan bagi meraikan dan memperingati akan peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Md. Jaafar (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1435 Hijriah/2014 Masihi yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Lawatan pemantau pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa mengadakan lawatan pemantau pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an ke Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Kampung Salambigar.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Jun. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 yang bakal menjelang pada 15 Julai ini, Majlis Perundingan Mukim

dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an 68 Kali Khatam Ahli-Ahli MPMK Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Sehubungan itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman telah mengadakan lawatan pemantau pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an ke Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Kampung Salambigar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan niat khusus bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala dan diikuti dengan para peserta khatam meneruskan bacaan bagi Juz 25 hingga 27.

Seramai 544 peserta DBM yang terpilih dari kalangan ahli-ahli MPMK mewakili kampung masing-masing dan mereka terdiri daripada lelaki dan wanita dewasa berumur 21 tahun ke atas, belia lelaki dan perempuan berumur 13 hingga 20 tahun, kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 12 tahun ke bawah.

Pembacaan Al-Qur'an sebanyak 68 kali khatam ini bermaksud setiap peserta yang terpilih akan membaca Al-Qur'an dari Juz Pertama hingga Juz 30 juzuk Al-Qur'an pada 14 Julai 2014.

Majlis seumpama ini diadakan ialah bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, di samping ia merupakan manifestasi penghayatan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini ke arah perpaduan yang kukuh dan kesejahteraan yang penuh harmoni.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ahli-Ahli Mesyuarat Negara (MMN), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan DBM.



PARA peserta kanak-kanak yang terpilih bagi pembacaan Al-Qur'an 68 kali khatam.

Keluarga bangsa Iban memeluk Islam



HADIR selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

GADONG, Khamis, 19 Jun. - Dua anggota pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bangsa Iban yang bertugas di Pusat Latihan Polis iaitu Jamil anak Amang dan Merinding anak Amang serta keluarga masing-masing telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan telah diraikan di Majlis Pengislaman. Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor beserta Datin pada majlis yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, di sini.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd.

Jammy bin Haji Mohd. Shah Al-Islam; Pengarah-pengarah, Pemangku Komandan Pusat Latihan Polis, Pegawai-pegawai Formasi, Ketua-ketua Unit dan ahli pangkat rendah PDB.

Dua keluarga yang memeluk agama Islam itu ialah Jamil anak Amang yang dikenali dengan nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Jamil Al-Hakeem bin Abdul Rahim, isterinya Rosgayah anak Linggi sebagai Dayang Nur Azza Rakinah binti Abdullah Linggi, anak-anak mereka iaitu Jashiela Eliang anak Jamil sebagai Dayang Nur Alissa Liyana binti Muhammad Jamil

Al-Hakeem; Rosfazley Afifi anak Jamil sebagai Awang Muhammad Fazley Al-Azim bin Muhammad Jamil Al-Hakeem; Jasafirah Afifah anak Jamil sebagai Dayang Nur Safirah Afifah binti Muhammad Jamil Al-Hakeem; dan Ruzafahmi Aliff anak Jamil sebagai Awang Muhammad Fahmi Al-Aliff bin Muhammad Jamil Al-Hakeem.

Keluarga kedua yang memeluk agama Islam ialah Merinding anak Amang dengan nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Khuzaimi Al-Islam bin Abdul Rahim; isterinya Tumang Bong sebagai Dayang Siti Rahmah binti Abdullah Bong, anak-anak mereka iaitu Stephannie Lily anak Merinding sebagai Dayang Nurul Hani Syahirah binti Muhammad Khuzimi Al-Islam dan Reymound Harry anak Merinding sebagai Awang Muhammad Al-Hafizul Zuhairi bin Muhammad Khuzaimi Al-Islam.

Terdahulu majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang kemudiannya diteruskan dengan bacaan Dikir bagi meraikan anggota PDB yang baru memeluk agama Islam.

Pada majlis itu, Pesuruhjaya Polis menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada kedua buah keluarga yang diraikan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.



DUA anggota pasukan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bersama keluarga yang diraikan di Majlis Pengislaman yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis.

Bergotong-royong bersihkan balai ibadah



KEMPEN Kebersihan Surau Kampung Piasau-Piasau merupakan salah satu usaha memelihara dan memakmurkan rumah Allah.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan AJK Takmir Surau Kampung Piasau-Piasau

TEMBURONG, Khamis, 19 Jun. - Masjid, surau atau balai ibadah merupakan rumah Allah yang mesti sentiasa dijaga kebersihannya dari apa pun jenis kekotoran agar umat Islam atau jemaah yang beribadah di dalamnya dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Menjelang tibanya bulan Ramadan 1435 Hijriah ini, Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Surau Kampung Piasau-Piasau telah mengendalikan Kempen Kebersihan Surau Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu di sini.

Selain AJK takmir surau berkenaan kempen secara bergotong-royong itu juga melibatkan AJK Muslimah, belia dan beliawanis, murid-murid kelas Al-Qur'an dan Muqaddam serta para jemaah surau, di samping disertai oleh AJK Majlis Perundingan Kampung (MPK) Piasau-Piasau.

Kerja-kerja melibatkan

membersihkan kawasan dalam dan luar masjid termasuklah membersihkan dapur dan tandas serta tempat berwuduk serta mencantikkan lagi kawasan luar surau dengan menanam pokok bunga-bunga.

Kempen yang merupakan salah satu aktiviti tahunan Takmir Surau Kampung Piasau-Piasau itu merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan institusi masjid supaya akan lebih menyerlah kedudukannya dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat di negara ini.

Apa yang diharapkan aktiviti seumpama ini akan dapat dilipatgandakan lagi di masa-masa akan datang dalam sama-sama meraih ganjaran hasanah dari Allah Subhanahu Wata'ala di atas usaha memelihara dan memakmurkan Rumah Allah.

Sukarelawan capai kecemerlangan



PEMANGKU Dekan Pelajar Hal Ehwal Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Saidi bin Awang Haji Hitam (dua dari kiri) semasa hadir selaku Tetamu Kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil bagi UBD Life Skills Training (LESTARI) Jun 2014.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Jun. - Kesukarelawan merupakan tanggungjawab yang utama untuk mencapai kecemerlangan belia dan melahirkan modal insan yang sempurna dan mampu menyumbang kembali kepada masyarakat.

Pemangku Dekan Pelajar Hal Ehwal Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Saidi bin Awang Haji Hitam berkata, salah satu jalan atau cara yang efektif di dalam memperkukuhkan institusi kemasyarakatan adalah perlunya bagi setiap individu itu memberikan sumbangan yang semampunya tanpa mengharapkan balasan.

Demikian jelasnya, semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil bagi UBD Life Skills Training (LESTARI) Jun 2014 yang berlangsung di Dewan Asrama

Perempuan, UBD di sini.

Terdahulu beliau berkata, LESTARI adalah program yang antara lain objektifnya mencakup usaha untuk membantu secara sukarela program khidmat masyarakat.

Beliau menyatakan, aktiviti sukarela merujuk kepada aktiviti kemasyarakatan yang menyumbang bakti kepada ahli masyarakat yang memerlukan.

"Tentunya aktiviti seumpama ini amat dituntut oleh Islam. Dalam Islam, menjaga kebajikan ahli masyarakat yang lain bukan sahaja merujuk kepada memenuhi keperluan fizikal dan material tetapi juga keperluan spiritual," ujarnya.

Oleh yang demikian beliau berharap usaha ini akan sentiasa berterusan dalam melaksanakan seruan kerajaan untuk bergiat aktif dalam

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

kesukarelawan yang mana ianya juga selaras dengan ajaran Islam yang merupakan agama rasmi negara.

Melihat akan kepentingan tersebut, beliau difahamkan, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam telah membuat program-program pendidikan seperti Training of Peer Educators (TOPS), HIV AIDS Programme for Peer and Youth (HAPPY) dan Life Skills Training (LESTARI).

Daripada program-program inilah, tambahnya, pihak majlis ingin melahirkan individu khususnya belia, yang bersifat ingin membantu dan

tidak camah mata seperti pepatah Melayu, 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul', 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'.

Beliau seterusnya berharap agar ibu bapa dan penjaga akan membenarkan dan menggalakkan anak-anak menjadi seorang sukarelawan kerana ianya bukan sahaja membendung gejala-gejala sosial yang tidak sihat bahkan mendekatkan diri mereka kepada masyarakat.

Sokongan yang berterusan kepada anak dalam perkara-perkara berkebakikan, katanya, akan memberikan mereka lebih keyakinan

dan bersemangat untuk turun padang dan ikut serta dalam menjayakan apa jua program yang berbentuk kesukarelawan.

Pada majlis itu, seramai 45 peserta terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi UBD menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

LESTARI Jun 2014 merupakan anjuran Persatuan Mahasiswa Mahasiswi UBD dikendalikan oleh Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam selama empat hari bermula 16 Jun lalu yang mana program ini menggabungkan kedua-dua aktiviti dalam dan luar yang mencabar keupayaan fizikal, rohani dan emosi peserta.

Menggunakan gabungan pelbagai latihan praktikal yang diperolehi dari tempatan dan luar negara, LESTARI menyesuaikan diri dengan tempatan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan muzik, bercerita, audio dan visual, interaktiviti dan permainan.

Program itu menekankan kemahiran hidup dan nilai-nilai untuk diterapkan ke dalam peserta yang mana kaedah pembelajaran melalui pengalaman digunakan sepanjang program, di samping latihan tersebut dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran AIDS bertujuan bagi jangkitan sifar di Brunei.

Antara objektif utama program ialah untuk mendidik peserta dengan kemahiran hidup dalam persekitaran yang interaktif dan mesra belia, di samping bagi perhimpunan belia untuk mengambil tanggungjawab untuk diri mereka, keluarga, rakan-rakan dan masyarakat, selain melepaskan potensi sebenar peserta.



TETAMU Kehormat menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta UBD Life Skills Training (LESTARI) Jun 2014.

Rangka Kerja AMBD, BITA berkuat kuasa 1 Julai ini



TIMBALAN Pengarah Urusan (Regulatori), AMBD, Dayang Hajah Lily binti Haji Kula (dua dari kiri) semasa hadir pada Taklimat Rangka Kerja Pendaftaran Ejen Am.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Jun. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) bekerjasama dengan pihak berkepentingan, termasuk ahli-ahli Persatuan Insurans and Takaful Brunei (BITA) dalam memajukan Rangka Kerja Pendaftaran Ejen Am sejak beberapa tahun yang lalu.

Rangka kerja ini kini sedia dan akan berkuat kuasa pada 1 Julai ini, dengan penguatkuasaan penuh bermula 1 Januari 2015.

Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori), AMBD, Dayang Hajah Lily binti Haji Kula menjelaskan demikian pada Taklimat Rangka Kerja Pendaftaran Ejen Am yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, di sini.

Menurutnya, rangka kerja ini memperuntukkan tanggungjawab antara AMBD dan BITA dalam mengawalselia ejen yang perlu melalui dua peringkat proses kelulusan.

Beliau menyatakan, AMBD menge-

luarkan tiga garis pandu dalam rangka kerja ini iaitu Garis Pandu Pendaftaran Ejen Am, Garis Pandu Pendaftaran Ejen Takaful Am dan Garis Pandu Kesesuaian dan Kelayakan Kriteria bagi Tanggungjawab Pihak Utama dalam Insurans dan Takaful.

Jelasnya, tujuan rangka kerja ini adalah untuk memupuk suasana dalam menggalakkan profesionalisme dan disiplin pasaran, yang mana rangka kerja ini menggariskan kriteria minimum yang diperlukan serta terma dan syarat yang tersusun.

"Di antara syarat-syarat ini termasuk ejen-ejen individu kini dikehendaki menjadi pemilik tunggal yang berdaftar di bawah Akta Nama-Nama Perniagaan dan ejen korporat mesti didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah Akta Syarikat," ujarnya.

Beliau berkata, terdapat kawalan yang lebih ketat berkaitan dengan premium tertunggak yang dikenakan ke atas ejen-ejen, dan ejen dikehendaki membayar deposit sebagai satu bentuk keperluan modal minimum serta

pendedahan pra-kontrak juga ditekankan dalam garis pandu AMBD ini.

Tambahnya, peranan tenaga agensi dalam Industri Insurans dan Takaful adalah penting kerana ia mewakili kira-kira 81 peratus daripada jumlah pendedahan dan ini bermakna bahawa ia adalah kekal penting bagi ejen untuk mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang perlu dalam melaksanakan perkhidmatan mereka.

Secara umum jelasnya, tumpuan utama kebanyakan ejen membuat jualan dan mendapat komisen tetapi dengan tidak banyak berfikir kepada menyediakan perkhidmatan yang lebih bermakna seperti penjelasan lanjut mengenai produk yang ditawarkan; prosedur pengendalian tuntutan dan sebagainya.

Beliau menambah, walaupun produk-produk dan perkhidmatan berbeza mengikut syarikat utama, agensi-agensi juga perlu bersaing dalam perkhidmatan nilai tambah yang akan meningkatkan imej tenaga agensi, sebagai contoh, ejen boleh menyumbang untuk meningkatkan kesedaran insurans dan takaful dalam menyediakan ketelusan dan kejelasan kepada pelanggan mereka mengenai

butiran kontrak dengan cara yang mudah difahami.

Dengan berbuat demikian katanya lagi, reputasi ejen itu akan berkembang sepertimana pelanggan berpuas hati dan kesetiaan pelanggan tercapai; menjamin perkembangan asas pelanggan dan mendatangkan keuntungan.

Beliau seterusnya mengingatkan bahawa syarikat-syarikat insurans dan pengendali takaful menilai risiko yang perlu dinilai sewajarnya untuk jangka masa panjang dalam pembangunan yang mampan.

"Terdapat ramai yang bersedia untuk menawarkan harga yang lebih rendah tanpa menyedari kesan bahawa dengan berbuat demikian akan menjejaskan keuntungan mereka dan seterusnya boleh mengancam keselamatan jangka panjang dalam industri. Oleh itu, adalah penting untuk bersaing dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti bukan hanya memberi tumpuan kepada harga sahaja," ujarnya.

Beliau menyatakan, pelanggan juga perlu memainkan peranan mereka dalam memahami dan mengikuti perkembangan dalam pembangunan produk serta perkhidmatan Insurans

dan Takaful.

Tambahnya, orang ramai adalah diingatkan untuk mencari insurans yang sesuai atau perlindungan takaful berdasarkan keperluan mereka dan bukan dikelirukan oleh premium yang lebih murah atau sumbangan yang boleh menyebabkan kekecewaan dan ketidakpercayaan kepada insurans dan takaful.

Sesi taklimat mengenai Rangka Kerja Garispandu Pendaftaran Ejen disampaikan oleh Pemangku Pengarah Eksekutif Insurans / Takaful dan Pasaran Modal, Dayang Hajah Rafifah binti Haji Abd. Rahman dan taklimat mengenai Buku Panduan Ejen Insurans / Takaful Am oleh Pengerusi BITA, Awang Haji Osman bin Haji Jair dan Setiausaha BITA, Awang Baruddin bin Kudil.

Taklimat yang melibatkan kira-kira 200 ejen insurans am dan takaful am ini bertujuan untuk memberikan penjelasan terperinci termasuk syarat dan terma mengenai proses dua peringkat yang baru bagi pendaftaran ejen am melalui BITA dan AMBD.

Pada acara itu, Dayang Hajah Lily juga melancarkan logo baru bagi BITA dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mencipta logo BITA iaitu Awang Khairuddin bin Kiffle.



TIMBALAN Pengarah Urusan (Regulatori), AMBD, Dayang Hajah Lily binti Haji Kula ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo BITA iaitu Awang Khairuddin bin Kiffle.

13 kumpulan uji minda, ketahanan fizikal



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

pasukan terdiri daripada Viking, Bumble B, Bengkawat, A-Team, Al-Faiziin, Just Do It, Runners on Fire, Belia Berwawasan, Tolabul Jadid, C.B.T. 'B' 2014, Ironside, SIL dan Syabab Waid.

Program cabaran belia ini dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, JBS, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Malik bin Haji Mohammad, berlangsung di Pusat Belia, di sini.

Awang Haji Malik dalam ucapan kata-kata semangatnya menjelaskan, program ini merupakan program yang menggabungkan pelbagai bentuk aktiviti bagi menguji minda dan ketahanan fizikal para peserta.

Beliau juga menyeru kepada para peserta untuk meraih ganjaran yang telah disediakan dan mengambil peluang ini untuk mengeratkan jalinan ukhuwah Islamiah di antara satu dengan yang lain.

"Jadikan Cabaran Belia ini sebagai pentas untuk menguji keupayaan anda semua dan sekali gus untuk diaplikasikan di dalam kehidupan sehari-hari. Saya juga menyeru agar para peserta untuk mengambil peluang bagi meraih seberapa banyak pengalaman untuk menimba dan membangun diri masing-masing," ujarnya.

PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, JBS, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Malik bin Haji Mohammad semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Program Cabaran Belia IV bagi tahun 2014.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Jun. - Dalam mewujudkan semangat setia kawan, kerjasama dan kerjaberpasukan dalam kalangan belia demi meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sekali lagi menganjurkan Program Cabaran Belia IV Bagi Tahun 2014.

Cabaran Belia IV bermula hari ini dengan cabaran pertamanya iaitu Rentas Desa dengan melibatkan 13

Cabaran Belia IV selama seminggu bermula 13 hingga 19 Jun nanti itu melibatkan para belia daripada keempat-empat daerah dan daripada beberapa pasukan jemputan termasuk sekolah-sekolah menengah, kolej dan maktab, Universiti Brunei Darussalam, Pusat Latihan Mekanik, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan Kadet Bomba dan Penyelamat.

Cabaran Belia merupakan salah satu program yang berterusan dan menjadi projek kebangsaan JBS digarap dan diolah berbentuk pertandingan di antara pasukan-pasukan bagi mengeratkan integrasi para belia yang mempunyai minat yang sama, selain berpeluang berkongsi pengalaman, kebolehan dan kemahiran mereka

melalui kegiatan seumpama ini.

Johan bagi cabaran ini akan menerima wang tunai BND4,000, pingat emas dan sijil penyertaan, sementara naib johan akan menerima wang tunai BND3,000, pingat perak dan sijil penyertaan, manakala tempat ketiga menerima wang tunai BND2,000, pingat gangsa dan sijil penyertaan.

Tujuan utama cabaran ini bagi membina semangat kental, cekal, yakin diri dan berani dalam menghadapi dugaan dan cabaran serta membuka minda belia untuk berfikir secara positif dengan mengamalkan cara hidup sihat dan mencintai alam semula jadi.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendedahkan belia dengan aktiviti-

aktiviti yang ekstrem dan mencabar dengan menepati kehendak belia masa kini.

Aktiviti-aktiviti ekstrem dan agresif yang memerlukan keberanian, kecekapan dan ketangkasan minda dan fizikal sememangnya telah menjadi pilihan para belia masa kini.

Oleh yang demikian, pelbagai kegiatan atau aktiviti yang berbentuk cergas dan lasak telah dirancang dan disusun demi memenuhi kehendak belia itu sendiri.

JBS mengharapkan dengan adanya program-program seumpama ini akan dapat menarik penglibatan penuh para belia, baik sebagai peserta mahupun sebagai tenaga sukarela yang sama-sama akan menentukan kejayaan dan keberkesannya.



SEBANYAK 13 kumpulan menyertai program berkenaan bagi menguji minda dan ketahanan fizikal masing-masing.

Pertandingan Biologi uji kecekapan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 11 Jun. - Seramai 25 pelajar sains Tahun 9 dan 10 daripada lima buah sekolah menengah di Daerah Belait dan 11 sukarelawan telah menyertai pertandingan kluster 5 Biologi 'Jejak Yang Menggetarkan'.

Pelajar-pelajar yang menyertai pertandingan daripada Kluster 5 Sekolah Menengah Perdana Wazir (SMPW), Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPHRSB), Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) dan Maktab Anthony Abell (MAA) dan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPBAB).

Setiap sekolah menghantar lima peserta pelajar dan mereka dibahagikan kepada lima kumpulan yang diberi nama enzim meliputi 'Pepsin'; 'Amylase'; 'Protease'; 'Maltase' dan 'Lipase'. Setiap kumpulan mengandungi seorang peserta dari setiap sekolah.

Ketua Jabatan Sains SMPW, Dayang Norul Faizah binti Haji Awang Jahri memberitahu, setiap peserta dari setiap kumpulan dikehendaki

memakai pengenalan diri (pass) dan berhenti di setiap 10 stesen yang ditempatkan untuk mencap pasport dan menjawab soalan atau melakukan aktiviti yang berkisar daripada mata pelajaran biologi yang disediakan oleh ahli jawatankuasa pertandingan berupa teka-teki, praktikal dan membuat resepi.

Dayang Norul Faizah seterusnya menyatakan, soalan atau aktiviti yang disediakan merupakan kolaborasi antara kelima-lima buah sekolah dan setiap kumpulan cuma diberi masa lapan minit untuk menyiapkan satu tugas.

"Pertandingan yang diadakan di SMPW divedok daripada program realiti TV 'Amazing Race' dianjurkan kali pertama oleh Jawatankuasa Asas Pelajaran (SBC) Biologi Kluster 5 yang terdiri daripada 15 guru mata pelajaran biologi dari kelima-lima buah sekolah berkenaan dan dua juruteknik SMPW," jelasnya.

Beliau seterusnya menerangkan objektif pertandingan supaya pelajar-pelajar menerapkan kemahiran hidup dalam pembelajaran biologi yang merupakan mata pelajaran yang

menyeronokkan.

Selain itu, tambah beliau, pertandingan juga menanamkan semangat berpasukan serta melatih sikap bekerjasama dan membina kepimpinan diri, kemahiran berkomunikasi, berfikir dan mengurus masa.

Sementara bagi guru-guru pula, pertandingan merupakan satu aktiviti kerjasama dan mengeratkan silaturahim di kalangan mereka.

Setiap peserta dari setiap kumpulan yang menyertai pertandingan menerima 'pen drives'. Kumpulan tempat pertama menerima 'pen drive' 16 GB, tempat kedua, 8 GB dan kumpulan tempat ketiga, keempat dan kelima menerima 'pen drive' 4 GB. Kumpulan yang bertanding dinilai berdasarkan kepada ketepatan masa dan jawapan pada soalan tambahan.



KETUA Jabatan Sains SMPW, Dayang Norul Faizah binti Haji Awang Jahri menyemak jawapan kertas soalan yang diberikan oleh setiap kumpulan.

BIBD terima pelawat UIAM

Berita dan Foto :
Ihsan BIBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerima rombongan pelawat dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ketibaan rombongan seramai lebih 20 pelajar di Ibu Pejabat BIBD di ibu negara di sini dialu-alukan oleh pegawai BIBD dan kemudiannya diberikan taklimat mengenai perkembangan bank berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Korporat, Shairazi Zainuddin bersama Pegawai Bahagian Syariah BIBD, Dayangku Hajah Siti Khadijah binti Pengiran Haji Ahmad dan Awang Mohammad Khairul Ikhwan bin Jamil.

Lawatan bertujuan untuk mengetahui dan meningkatkan pengetahuan mengenai perkemba-



ROMBONGAN pelawat dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ketika mendengarkan taklimat dari para pegawai BIBD.

ngan sistem perbankan Islam di Negara Brunei Darussalam di tengah-tengah persaingan bersama bank-bank konvensional yang lain di negara ini dan bank-bank antarabangsa, selain mengetahui produk-produk, perkhidmatan serta perkembangan mutakhir BIBD.

BIBD yang beribu pejabat di

Bandar Seri Begawan merupakan sebuah institusi kewangan terbesar di negara ini, mengetuai pasaran dalam soal aset, pembiayaan dan deposit.

Setakat ini bank berkenaan mempunyai 15 cawangan dan memiliki jaringan terbesar ATM terletak secara strategik di keempat-empat daerah di negara ini.



PARA peserta setiap kumpulan membaca kertas soalan yang mereka terima.

Peserta Program Naturalis Muda tamatkan program

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TUTONG, Khamis, 19 Jun. - Seramai 49 peserta sekolah menengah Tahun 10 dan 11 yang berjaya menamatkan Program Naturalis Muda Ke-2 2014 menerima sijil penyertaan mereka pada Majlis Penutup Program tersebut bertempat di Balai Pameran, Taman Warisan Tasek Merimbun, di sini.

Hadir menyampaikan sijil-sijil penyertaan tersebut ialah Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Dr. Karim bin Pengiran Haji Osman.

Juga berangkat dan hadir ialah Kurator Ilmu Kejadian, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar 'Ali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul

Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang juga selaku Pengerusi program tersebut serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada tahun ini, satu aktiviti berlainan telah diungkayahkan yang mana para peserta program berkesempatan untuk bermalam di tempat perkhemahan.

Selain itu, para peserta program juga dipilih secara rambang dan dibahagikan kepada lima kumpulan terdiri daripada Ornitologi (burung), Mamalogi (mamalia), Herpitologi (amfibia dan reptilia), Entomologi

(serangga) dan Ikhtiologi (ikan).

Terdahulu, para peserta menyampaikan penerangan mengenai hasil-hasil kajian dan penyelidikan yang mereka perolehi sepanjang program diadakan di mana Kumpulan Ornitologi (burung) telah dipilih sebagai kumpulan terbaik bagi hasil kerja mereka.

Program itu antara lain bertujuan membina jati diri penuntut-penuntut untuk menghargai, melindungi, mengawal dan memelihara warisan alam semula jadi Negara, selain mewujudkan hubungan mesra dan silaturahim dalam kalangan sekolah-sekolah yang terlibat bagi menggalakkan hubungan sihat dan jalinan 'networking' di antara penuntut-penuntut dan guru-guru.



PEMANGKU Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Dr. Karim bin Pengiran Haji Osman semasa menyaksikan penghakiman dan persembahan pembentangan kajian pasukan yang bertanding bagi merebut juara pada Majlis Penutup Program Naturalis Muda 2014 berlangsung di Taman Warisan Tasek Merimbun Tutong.

Promosi produk keluaran MPK Temburong

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



BELIA-BELIA dari MPK Batu Apoi memberikan tunjuk cara kepada rombongan dari MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelampung tentang pemrosesan Ambulong yang merupakan salah satu produk keluaran MPK Batu Apoi.

TEMBURONG, Selasa, 17 Jun. - Lawatan bagi meninjau produk-produk yang dihasilkan oleh majlis-majlis perundingan kampung di daerah ini memberikan pendedahan baru kepada belia-belia dan juga ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelampung.

Lawatan seramai lebih 40 ahli MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelampung itu diketuai oleh Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelampung, Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Dalam pendekatan bersama media, Pengiran Haji Mohamed berkata, lawatan yang juga merupakan salah satu aktiviti MPK itu bukan saja sebagai satu pendedahan kepada belia-belia dan majlis-majlis perundingan kampung malah ianya untuk mengetahui cara dan budaya serta kehidupan orang-orang di daerah ini, di mana walaupun tinggal di dalam negeri yang sama namun tetap mempunyai budaya yang agak berlainan.

Selain itu katanya, lawatan juga adalah untuk mengeratkan lagi silaturahim sebagai penduduk negara ini, yang mana melalui lawatan sedemikian akan dapat meningkatkan keharmonian di antara kedua-dua belah pihak.

Menurutnya lagi, projek Satu Kampung Satu Produk sememangnya satu projek yang sangat baik, di mana ia boleh membantu anak-anak buah kampung mendapatkan mata pencarian tambahan, di mana ahli-ahli MPK juga boleh memasarkan produk-produk yang dihasilkan oleh MPK masing-masing.

Beliau seterusnya berharap agar projek berkenaan akan terus dipertingkatkan dan dikembangkan terutamanya dari segi pemasaran dan kemudahan bagi mengusahakan produk-produk.

Semasa lawatan ke daerah ini rombongan telah dibawa melawat bagi menyaksikan produk-produk yang dihasilkan oleh anak-anak buah kampung di MPK Senukoh, MPK Batu apoi, MPK Rataie, MPK Lepong Baru dan MPK Puni.

Juga menyertai lawatan ialah penasihat MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelampung, Dato Seri Setia Haji Kassim bin Haji Latat.

Pelajari kemahiran menganyam ketupat

TEMBURONG, Rabu, 18 Jun. - Ketupat merupakan salah satu hidangan yang begitu sinonim sebagai hidangan istimewa setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri malahan kini telah dipelbagaikan dengan menjadikan bentuk ketupat sebagai bahan dekorasi.

Kebolehan atau kemahiran dalam menganyam ketupat itu selalunya dimiliki orang golongan dewasa atau warga emas yang diwarisi turun-temurun di mana tidak semua orang pandai menganyam ketupat memandangkan ianya memerlukan kemahiran dan kreativiti untuk menghasilkannya.



ANTARA beliawanis yang menyertai Bengkel Anyaman Ketupat dari pucuk daun apung dan reben anjuran Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Menyedari hal itu, Biro Wanita Kampung Batu Apoi telah mengendalikan Bengkel Anyaman Ketupat dari pucuk daun apung dan reben, berlangsung di Balai Raya Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi di sini.

Bengkel disertai oleh seramai 30 peserta terdiri daripada golongan belia dan beliawanis serta para penduduk kampung berkenaan, di samping beberapa penyertaan daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) lainnya di daerah ini.

Selama tiga hari bengkel diadakan sejak 16 Jun lalu, bengkel anyaman ketupat ditunjuk cara oleh dua ahli MPK Batu Apoi itu sendiri yang memang berkemahiran dalam anyaman ketupat.

Selain untuk mengisi kegiatan aktiviti Biro Wanita MPK Batu Apoi, bengkel yang diadakan buat julung-julung kalinya itu diharap akan dapat meningkatkan dan menambah kemahiran para peserta yang menyertai bengkel berkenaan.

Di samping itu, dengan pengendalian bengkel seumpamanya juga secara tidak langsung akan dapat mengukuhkan ikatan silaturahim di antara Ahli Jawatankuasa Biro Wanita dan ahli-ahli Jawatankuasa MPK Batu Apoi serta para penduduk kampung, belia-belia dan beliawanis, di samping mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk Kampung Batu Apoi dan kawasan sekitarnya.

Mesyuarat Agung PGGMB

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MESYUARAT Agung Perwakilan (MAP) PGGMB Kali Ke-64 Bagi Tahun 2013-2014 yang diadakan di Bangunan PGGMB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Lebih 200 ahli perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) PGGMB Kali Ke-64 Bagi Tahun 2013-2014 yang diadakan di Bangunan PGGMB, di sini.

Mesyuarat antara lain membentangkan penyata kewangan bagi tahun kewangan 2013 oleh Setiausaha Kewangan PGGMB, Awang Haji Mahali bin Momin.

Para perwakilan juga meneliti pembentangan penyata-penyata kewangan dari bahagian-bahagian dan syarikat-syarikat dalam PGGMB termasuk penyata-penyata kewangan yang melibatkan projek-projek perekonomian yang telah dilaksanakan.

Selain itu mesyuarat membincangkan laporan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh sekolah-sekolah PGGMB.

Terdahulu, mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Kali Ke-63 Sesi 2011-2012 dan diikuti dengan pembentangan Laporan Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso. PGGMB kini mempunyai lebih 2,000 ahli.



SEBAHAGIAN daripada warga PGGMB yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

Meredah Laut China Selatan

BILANGAN 109

S EORANG penduduk Kampung Lurong Sikuna sedang mengumandangkan azan sambil menghadap ke kiblat. Suaranya mendayu dipuput bayu pagi yang ranum. Berduyun-duyun kaum kerabat dan sanak saudara Haji Serudin berdiri di pantaran rumahnya bagi mengucapkan selamat berlepas dan selamat belayar. Haji Landak yang juga dikenali sebagai Haji Ahmad kumat-kamit mulutnya kerana sedang asyik berdoa dalam hati.

Kemarin petang telah diadakan Majlis Doa Selamat di rumah kediaman Haji Serudin. Semua dangsanak berkumpul. Majlis Doa Selamat itu dikepalai oleh Haji Metassim bin Md. Tahir (Begawan Mudim Pehin Tuan Imam Dato Seri Paduka Haji Metassim bin Md. Tahir) dan dibantu oleh Haji Landak. Doa selamat itu bermula kira-kira selepas Sembahyang Fardu Asar. Majlis Doa Selamat selesai kira-kira jam 6.00 petang. Para jemputan sudah pulang sekitar jam 6.00 petang.

Yang tinggal hanya dangsanak terdekat termasuk penulis yang ketika itu baru berumur hendak masuk 3 tahun. Penulis agak nakal, istilah yang diguna pakai oleh orang tua-tua ketika itu ialah: "Matsalleh gauk!" (Gauk maknanya suka melakukan sesuatu yang dilarang. Aktif)

Pada waktu Maghrib pula di rumah Haji Serudin diadakan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, lepas itu Sembahyang Sunat Hajat. Jemaah terdiri daripada kalangan dangsanak yang terdekat. Kedua-dua sembahyang fardu dan sunat ini diimamkan oleh Haji Landak. Selepas itu, bacaan doa selamat diadakan untuk memberkati kepergian warga Kampung Lurong Sikuna yang akan belayar. Belayar dan belajar ke Singapura.

Sebelum itu pada bulan Januari 1950, seorang warga Kampung Lurong Sikuna iaitu Jaya bin Abdul Latif (Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya bin Abdul Latif) bersama dengan Rosli bin Omar (Haji Rosli bin Omar) adalah dua orang warga Brunei yang pertama, selepas Perang Dunia Kedua, khususnya melanjutkan pelajaran ke Singapura aliran Inggeris. Mereka berdua menuntut di sebuah sekolah di Singapura yang bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris. Kepergian Jaya dan Rosli belajar ke Singapura adalah atas dermasiswa Kerajaan Brunei.

Siapa akan belayar pada hari itu? Dan belayar ke mana? Pagi yang hening itu Mohd. Zain (Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin) mengenakan seluar panjang warna hitam dan baju putih lengan pendek berdiri segak dengan kopiah warna hitam. Tangan kanan Dayang Tikah (ketika itu belum lagi naik-naik ke Mekah) memegang bahu kiri Mohd. Zain sambil membelai mesra pipi anak sulungnya itu. Tanpa sedar beberapa titis air jernih dan dingin berjurai di kelopak mata Dayang Tikah. Cepat-cepat dia mengesat titis air dingin itu.

Naluri keibuan menggamit sayu. Kepiluan berdenyut dalam degup jantung seorang ibu penyayang. Dia segan menunjukkan kehibaan di hadapan para dangsanaknya yang banyak berdiri di pantaran sementara azan masih berkumandang. Sempat dia membisikkan suatu nasihat ke telinga anak sulungnya. Mohd. Zain mendongkang melihat wajah ibu. Senyum. Dayang Tikah membalas senyuman anaknya dengan lirikan mata sayu sayang untuk cuba

menyembunyikan kepiluan hati. Mohd. Zain berwajah ceria. Ia dilepaskan pergi meredah Laut China Selatan untuk pergi ke Singapura. Kepergian Mohd. Zain kali ini bukan menemani ayahnya mengalu ke Sungai Pandaruan, Temburong. Bukan!

Dayang Tikah menghantar Mohd. Zain hingga ke anak tangga. Dan entah untuk kali ke berapa pagi yang hening itu sahaja, dia mengusap lagi penuh kemesraan dan kasih sayang kepala sambil mencium pipi dan membelai Mohd. Zain. Dan sebaik sahaja azan habis berkumandang, Mohd. Zain langsung menuruni anak tangga untuk duduk bersila di gubang besar yang akan membawanya ke Dermaga Kastam di Pekan Brunei. Gubang besar itu digerakkan oleh enjin jenis "seagull" berkuasa 15 kuda.

Haji Serudin sudah pun berdiri di gubang sambil memberi laluan untuk anaknya selesa turun ke gubang. Ketika itu air sungai tiada berapa dalam, dan tiada juga tohor. Di gubang besar itu sudah bersedia beberapa orang dangsanak yang lain yang sama-sama turut menghantar Mohd. Zain ke seberang termasuk adiknya iaitu Mohammad (Dato Paduka Haji Mohammad bin Haji Serudin dan Metusin (Haji Metusin bin Haji Serudin) dan beberapa orang dangsanak terdekat pangkat bapa saudara serta sepupunya.

Pagi yang ranum, cuaca yang limbu, puput bayu yang syahdu, lambaian ibu dan dangsanaknya yang masih bertinggir di pantaran rumah kediaman Haji Serudin mengiringi kepergian Mohd. Zain meninggalkan kampung halaman bagi menuntut ilmu pengetahuan.

Sungai Bunei tenang, tiada berombak. Busa mengalun lembut dengan beberapa ekor penjulung berenang di gigi perairan. Air tenang tapi jiwa Dayang Tikah bergelodak. Gelodak cemas dan ceria berbau melepaskan kepergian Mohd. Zain. Mohd. Zain akan pergi berjauhan.

Dayang Tikah masih berdiri tegak di pantaran, air jernih yang dingin mengalir dari kelopak mata. Titis...titis...titis...! Disapu dengan telapak tangan tapi air jernih terus titis...titis, titis dan titis lagi. Berjurai titik di pipi. Dayang Tikah dipapah masuk ke dalam bilik oleh anaknya yang perempuan, Dayang Saliah. Ibu yang sedang pilu dipujuk masuk.

"Sudahlah ibu, lepaskan Awang dengan doa," pujuk Dayang Saliah (ketika itu belum lagi naik haji ke Mekah) mententeramkan jiwa ibunya. 'Awang' adalah panggilan seorang adik lelaki atau perempuan kepada abangnya ataupun sepupunya yang lebih tua. Ya, adik-adik Mohd. Zain memanggilnya sebagai 'Awang'.

Memang rata-rata penduduk masyarakat Melayu Brunei khususnya yang tinggal di Kampung Ayer memanggil abang sulung sebagai Awang yang bermakna panggilan seorang adik lelaki atau perempuan kepada abangnya.

Mohd. Zain ditemani oleh ayahnya, Haji Serudin, untuk pergi ke Labuan. Pada hari itu Mohd. Zain dengan dua orang rakannya iaitu Abdul Salam bin Abdul Razak (Deto Seri Setia Haji Abdul Salam bin Abdul Razak) dan Abdul Hamid bin Mohd. Daud (Dato Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Haji Mohd. Daud) yang terpilih melanjutkan pelajaran ke Singapura atas dermasiswa Kerajaan Brunei sama-sama menaiki kapal yang bernama 'Seri Berunai' untuk membawa mereka ke Labuan.

Haji Serudin juga ikut sama ke Labuan bagi menghantar anaknya. Kapal laut 'Seri Berunai' bertolak dari



Dermaga Kastam, Pekan Brunei, kira-kira jam 7.30 pagi pada hari berkenaan dan mengambil masa tiga jam untuk sampai ke Labuan. Semasa di Labuan ini mereka diam di kedai yang dijaga oleh Haji Ismail sementara menunggu kapal besar. Tidur semalam di Labuan sementara menunggu kapal yang lebih besar untuk membawa Mohd. Zain dan dua orang kawannya itu meredah Laut China Selatan dalam perjalanan ke Singapura. Haji Serudin hanya menghantar Mohd. Zain setakat di Labuan.

Besoknya, Mohd. Zain, Abdul Salam dan Abdul Hamid menaiki kapal laut yang bernama 'Kajang' bagi membawa mereka ke Singapura. Perjalanan ke Singapura pada waktu itu mengambil masa selama empat malam empat hari. Menumpang kapal laut (kapal barang bukan kapal penumpang) serupa itu adalah pertama kali dalam hidup Mohd. Zain. Pertama kali, begitu juga kawannya yang dua orang itu. Pengalaman pertama menumpang kapal laut ke Singapura. Bukan untuk makan angin tetapi ialah untuk belajar, menuntut ilmu pengetahuan.

Pada waktu itu, tahun 1950-an, hanya terdapat satu cara pengangkutan yang membolehkan seseorang sampai ke Singapura iaitu melalui kapal laut. Kapal laut kargo yang besar itu pun hanya berlabuh di Labuan. Ketika itu Labuan adalah merupakan tempat persinggahan utama bagi perjalanan ke Singapura, Pulau Pinang, Kuching dan tempat-tempat lain.

Kapal laut yang bernama Kajang bukan kapal penumpang. Kapal itu merupakan kapal kargo yang membawa barangan. Pengalaman pertama belayar ke Singapura itu memberi kesedaran kepada Mohd. Zain bahawa hidup ini sesungguhnya memerlukan pengorbanan dan kecekalan hati. Pengangkutan udara antara Bunei dengan Singapura ketika itu langsung belum ada. Bilangan kapal laut kargo pun ketika itu hanya dapat dibilang dengan jari.

Semasa belayar ke Singapura dengan menumpang kapal yang bernama Kajang, mereka disertai oleh seorang guru. Guru ini yang bertanggungjawab untuk menyerahkan mereka kepada pihak Sekolah Arab Al-Juned, Singapura. Guru yang menyertai mereka ke Singapura pada minggu pertama bulan Mei 1950 itu ialah Pengiran Ali bin Pengiran Mohd. Daud (Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud).

Sepanjang perjalanan itu beliau menasihati Mohd. Zain, Abdul Salam dan Abdul Hamid agar pandai-pandai menjaga diri di negeri orang, mesti rajin belajar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi orang berguna yang mahir dan mendalami hal ehwal agama Islam. Pengiran Ali tidak menyebut perkataan "ulama" atau "untuk menjadi ulama" tetapi Mohd. Zain faham itulah yang dihasrat dan diinginkan secara peribadi oleh Pengiran Ali. Nasihat bernas itu hingga sekarang masih segar dalam ingatan Mohd. Zain. Nasihat itu amat berkesan dalam jiwanya. Nasihat-nasihat sepanjang pelayaran itu menambahkan lagi keazaman Mohd. Zain untuk berjaya dan meraih

kecemerlangan dalam bidang pelajaran.

Mohd. Zain tidak mabuk laut. Namun ketika kapal dilambung ombak, ia terkenangkan lambaian tangan ibunya di pantaran. Ketika sarapan di kapal laut, ia teringatkan bapanya yang pulang sendiri dari Labuan ke Brunei. Bapanya tabah tetapi sempat Mohd. Zain nampak bapanya mengesat kelopak mata seaik-baik sahaja kapal laut yang bernama Kajang meninggalkan Pelabuhan Labuan. Bapanya masih berdiri di Pelabuhan Labuan sehingga kapal laut Kajang tidak kelihatan.

Rawan seorang ayah adalah naindung garinsing rasa yang sebak. Haji Serudin tawakal dan berdoa. Bagi mententeramkan hatinya, Haji Serudin yakin bahawa Mohd. Zain tidak mabuk laut. Lagi pun sebagai penghuni Kampung Ayer, air sungai mahupun air laut adalah alamiah kehidupan yang dilalui setiap hari.

Mohd. Zain sudah biasa meredah Sungai Brunei. Berjumpang dan berkayuh ke seberang. Mohd. Zain pernah ke Sungai Pandaruan, turut menemani ayahnya mengalu ke situ. Namun Sungai Brunei dan Sungai Pandaruan bukanlah laut meskipun berasaskan kepada air. Arus begitu berbeza. Laut China Selatan pasti bergelora dengan gelombang. Dan Laut China Selatan yang memisahkan Pulau Borneo dengan Pulau Singapura adalah ketikanya memantulkan gelombang besar yang mengerdikan kapal laut di tengah samudera bergelora.

Beruntung, bulan Mei 1950 itu gelora gelombang di lautan lepas tiada seberapa. Deras gelora gelombang Laut China Selatan dapat juga diredah oleh Kajang. Sering terumbang-ambing dipukul angin kencang yang sesat. Empat malam empat hari terumbang-ambing, menyusur lembut dan keras meredah Laut China Selatan. Di belakang, di depan, di kiri dan di kanan "besi terapung" malah persekitaran yang nampak cuma samudera luas. Air dan gelombang yang bertali arus di Laut China Selatan. Empat hari, empat malam. Rindu kepada keluarga menerpa. Tetapi kerinduan itu teribat apabila diberi peluang dapar belajar di Singapura.

Kapal laut kargo yang bernama Kajang akhirnya alamat sampai di Pelabuhan Singapura. Meredah Laut China Selatan adalah pengalaman awal yang begitu memberigakan pelbagai perasaan demi mendapatkan ilmu pengetahuan. Pahit manis kehidupan pelaut atau kelasi kapal dapat dialami sama.

Sebaik-baik sahaja sampai di Singapura, mereka bertiga iaitu Mohd. Zain, Abdul Salam dan Abdul Hamid diserahkan oleh Pengiran Ali bin Pengiran Mohd. Daud kepada Ustaz Syed Abu Bakar Al-Attas iaitu Pengetua Sekolah Arab Al-Juned ketika itu. Mereka bertiga buat sementara waktu tinggal di rumah Ustaz Syed Abu Bakar Al-Attas di Jawa Road, Singapura. Kemudian mereka bertiga berpindah ke rumah Ustaz Syed Ibrahim bin Tahir, iaitu salah seorang ustaz atau guru yang mengajar di Sekolah Arab Al-Juned. Ustaz Syed Ibrahim bin Tahir inilah yang menjaga dan memelihara mereka. Mula-mula tinggal di Geylang Road. Lepas itu ditempatkan di Paya Lebar dan kemudian berpindah ke Jalan Yunus, Kampung Melayu, Singapura. Mohd. Zain tinggal di kediaman Jalan Yunus sehingga tamat menuntut di Sekolah Arab Al-Juned iaitu hingga tahun 1956.

Ketika tinggal di rumah guru atau ustaz, Mohd. Zain dapat manfaat yang banyak. Di sebelah malam, mereka

dapat belajar tambahan dan mengulang kaji mata pelajaran dengan bimbingan secara langsung oleh guru berkenaan. Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh Mohd. Zain. Ketika itulah dia bertanya itu dan ini sambil dapat membaca buku-buku lain yang tersimpan di rumah guru berkenaan.

Setiap tahun Mohd. Zain dan temannya yang dua orang itu dibenarkan pulang ke Brunei. Kepulangan mereka dari Singapura ke Brunei adalah juga dengan menumpang kapal laut kargo, dari Singapura ke Labuan. Dari Labuan pula menumpang kapal kecil kepunyaan Kerajaan Brunei. Ketika berada di Labuan, mereka ada kalanya menumpang tidur di masjid atau surau dan juga tidur di kedai sementara menanti hari esok untuk pulang ke Brunei. Rehat semalam dua sebelum pulang ke Brunei.

Kepulangan Mohd. Zain dari Singapura ke Brunei pada setiap tahun itu setentunya disambut dengan Majlis Doa Selamat. Setiap pelepasan dan setiap kepulangannya diiringi dengan Majlis Doa Selamat. Doa selamat di rumah kediaman Haji Serudin. Dangsanak dipanggil dan dijemput malah orang tua-tua dari kampung-kampung lain juga dijemput ke Majlis Doa Selamat itu. Doa selamat memohon doberkati setiap pergerakan kehidupan!

Rancangan penghantaran murid-murid Brunei (warga Brunei) ke Sekolah Arab Al-Juned, Singapura dalam aliran agama dengan pengantar bahasa Arab ini adalah ilham dan idea positif lagi bijaksana yang dicetuskan oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28, bagi menguatkan-kembangkan Islam di masa mendatang di bawah kepimpinan ulama-ulama Brunei sendiri di bumi yang bernama "Negara Brunei Darussalam."

Demikianlah segmen bertajuk "Meredah Laut China Selatan" (muka surat 109 hingga 114) dari Bab 3 bertajuk "Seludang Ilmu Pengetahuan" yang termuat dalam buku bertajuk "Menyusur Zaman: Biografi Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin" yang dinukilkan semula untuk mengisi ruangan Cetusan Minda kali ini. Buku "Menyusur Zaman: Biografi Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin" setebal tujuh ratus empat (704) muka surat mengandungi 16 bab semuanya ini adalah hasil tulisan dan kajian Haji Mohd. Salleh Abdul Latif.

Buku biografi ini diterbitkan oleh Minda Kreatif Publishing, Brunei Darussalam pada tahun 2004. Buku ini penulis cipta bermula bulan Oktober 2002 iaitu setelah bersara wajib genap berumur 55 tahun, dari perkhidmatan kerajaan. Buku biografi ini dapat penulis selesaikan dalam tempu h sekitar satu tahun lima bulan iaitu hasil temu ramah, kajian dan penyelidikan dalam negeri dan luar negara.

Penulis juga mendapat sokongan, dukungan, dan kerjasama dengan semangat berpasukan yang kental dari sahabat-sahabat penulis terutama Haji Mohd. Ali bin Haji Abdul Razak, Pengiran Julaihi bin Pengiran Dato Paduka Othman dan Haji Muhammad bin Haji Jambol. Mereka bertiga inilah yang menyemak, menyunting dan menaip semula terutama dari segi ejaan dari bab 1 hingga bab terakhir.

Pun juga berkongsi sama dalam pemilihan gambar-gambar yang termuat dalam buku ini. Lebih sepuluh tahun sudah berlalu, tapi bagi penulis semangat kekitaan katani itu masih tetap segar-mekar dalam dairi kehidupan penulis. Alhamdulillah!

Perasmian Kedai barangan tenaga, minuman

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad 22 Jun. - Kedai menjual barangan Tenaga dan Kecergasan Drive Energy Drink kini berada di negara ini.

Hadir merasmikan barangan tersebut di Bangunan Kelab Tennis Berakas di sini ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diteruskan dengan

menyaksikan pameran.

Sebanyak 10 petak jualan dan pameran disediakan seperti jualan makanan dan minuman, peralatan-peralatan kereta dan beberapa jenama pakaian.

Pelancaran tersebut diselenggarakan dengan aktiviti- aktiviti seperti persembahan Bru-Bar, cabaran Mini Tamiya PSA3 Fifa World Cup dan cabutan bertuah.

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Biz Showcase & M7 Product Launching 2014 yang berlangsung di Kelab Tennis, Berakas.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin ketika menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang anak yatim.

Anak yatim terima sumbangan

GADONG, Ahad, 22 Jun. - Menjelang bulan Ramadan dan Aidilfitri, anak-anak yatim di negara ini terus mendapat perhatian dari berbagai pihak menerusi derma dan sumbangan bantuan.

Bagi tujuan tersebut Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkih mengadakan Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim bagi Kampung Kiulap, Kiarong dan Menglait yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, di sini.

Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato

Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan sumbangan derma kepada seramai 27 anak-anak yatim masing-masing dari kampung-kampung tersebut.

Setiap penerima menerima sumbangan sebanyak BND334.77 seorang dan juga menerima sumbangan peribadi daripada orang perseorangan.

Tahun ini ahli jawatankuasa telah berjaya mengumpul

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

sejumlah BND9,038.90 yang terkumpul sejak bulan Februari hingga 15 Jun.

Dengan sumbangan dan bantuan itu, diharap dapat menampung keperluan perbelanjaan harian yang bermanfaat.

Majlis diselenggarakan dengan bertahlil dan doa arwah serta

doa selamat.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Penghulu Mukim Gadong 'B', Mejar Bersara Awang Haji Abu Bakar bin Safar serta ketua-ketua kampung Kiulap, Kiarong dan Menglait.

Orang kurang berkemampuan terus dapat perhatian

Oleh : Nooradini
Haji Abas
Foto : Mohd. Mahdi
Haji Marsidi

MUKIM LUMAPAS, Rabu, 18 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat dalam memedulikan dan meringankan bebanan kehidupan yang ditanggung oleh orang-orang susah, daif dan memerlukan bantuan.

Ini lebih-lebih lagi dalam memenuhi hasrat mereka untuk mempunyai tempat tinggal (rumah) sendiri yang lebih baik, selesa dan selamat terutama bagi Awang Haji Narudin bin Haji Pungut, 40 tahun, yang kini tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya mencari nafkah perbelanjaan dengan menangkap ikan untuk isteri dan lima orang anaknya yang masih lagi bersekolah.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Bantuan Membina Rumah Baru bagi Awang Haji Narudin bin Haji Pungut diadakan di Kampung Baong, Putat, disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar dan Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop, petang tadi.

Bantuan membina rumah baru jenis Banglo (konkrit) dianggarkan menelan belanja sebanyak BND59,000 yang meliputi empat buah bilik tidur, sebuah bilik tamu, satu ruang bilik makan, sebuah tandas, sebuah bilik mandi dan sebuah dapur.

Ianya juga termasuk



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop ketika menuang simen ke atas tapak rumah baru bagi Awang Haji Narudin bin Haji Pungut.

kerja-kerja penyambungan / pendawaian api elektrik, penyambungan / pemasangan meter air, kerja-kerja pemotongan / membuang pokok-pokok dan kerja-kerja menimbuk serta meratakan tanah.

Perbelanjaan bagi pembinaan rumah bantuan tersebut adalah melalui bantuan peruntukan Kumpulan Wang Zakat MUIB sebanyak BND49,000, manakala pihak Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkih (Yayasan) menyumbangkan bantuan

sejumlah BND10,000 dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) pula sebagai penyelaras bagi rumah bantuan tersebut, sementara kerja-kerja bagi pembinaan rumah bantuan tersebut dibuat oleh Syarikat Rohim Construction.

Juga hadir pada Majlis Pelancaran Bantuan Rumah Baru tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, selaku Ketua Kampung Putat, pegawai-pegawai dari MUIB dan JDBM.

Sukan Ria uji fizikal pelatih PPB

Oleh : Nooradini Haji Abas
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

TANAH JAMBU, Sabtu, 21 Jun. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) melalui Program Pembangunan Diri, hari ini, mengadakan Perbarisan Bulanan Bagi Bulan Jun Sesi 2014 / 2015M, bertempat di kawasan lapang, PPB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah, Pemangku Ketua PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Atur cara perbarisan bulanan dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh tetamu kehormat yang diiringi oleh Ketua Biro Perbarisan, Mohd. Shariful Asyraf bin Mohd. Neoh dan seterusnya diikuti dengan perbarisan lalu oleh pelatih-pelatih lelaki.

Tetamu kehormat kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah dan pingat bagi Pelatih Terbaik April 2014, Penerima Bilik Asrama Lelaki dan Perempuan Terbaik Dalam Kebersihan, Pemenang bagi

Acara Sukan Bola Tampar dan Sukan Permainan Kayu 3.

Sejurus selesai perbarisan bulanan, majlis diselenggarakan dengan Acara Sukan Ria Sesi 2014 / 2015 bersempena Pesta Sukan PPB Bagi Tahun 2014.

Antara aktiviti dan sukan yang dipertandingkan termasuklah acara mengambil gula-gula pakai candas, meniup belon sehingga pecah, memasukkan air ke dalam botol, membawa bola pingpong dengan menggunakan sudu, membuat pakaian tercantik dan sebagainya.

Sukan Ria tersebut merupakan acara tahunan PPB bertujuan untuk memberi ruang dan peluang para pelatih bersuka ria dan menguji fizikal mereka dalam kategori rumah masing-masing. Ia juga melibatkan pegawai-pegawai, tenaga pengajar dan kakitangan PPB.

Dengan adanya acara seumpama itu, akan menghubungkan silaturahmi, di samping menghidupkan suasana kekeluargaan di PPB dan seterusnya mendorong mereka untuk aktif dalam kegiatan fizikal demi menjaga kesihatan untuk lebih cergas dan ceria.



PEMANGKU Penolong Pengarah, Pemangku Ketua PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman memeriksa perbarisan pada acara Perbarisan Bulanan Bagi Bulan Jun Sesi 2014 / 2015M.

Larian Hari Olimpik 2014

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Jun. - Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) mengadakan acara larian sempena Hari Olimpik 2014 yang bermula dan berakhir di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara

Hassanal Bolkiah Berakas, di sini.

Kira-kira 2000 peserta telah mendaftar bagi menyertai larian sempena Larian Hari Olimpik 2014 tersebut.

Hadir selaku wakil peribadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Acara larian bermula dengan senaman pemanasan badan dan diikuti dengan pelepasan acara larian oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang seterusnya menyertai larian tersebut.

Pada tahun ini, BDNOC telah menyambut Hari Olimpik bukan sahaja dengan acara Larian Hari Olimpik tetapi juga telah menganjurkan Seminar Pendidikan Olimpik pada 2 hingga 7 Jun lepas.

Hari Olimpik merupakan acara yang telah disambut selama 65 tahun yang lalu di seluruh dunia yang jatuh pada 23 Jun setiap tahun untuk memperingati Kelahiran Hari Olimpik moden pada 23 Jun 1894 di Paris.

Hari Olimpik diraikan di seluruh dunia di mana



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa melancarkan larian sempena Hari Olimpik 2014.

beribu-ribu orang turut serta menunjukkan setia kawan, dalam berbagai aktiviti sukan perpaduan dan perdamaian yang secara langsung boleh dinikmati dari sukan.



KIRA-KIRA 2000 peserta telah mendaftar bagi menyertai larian sempena Larian Hari Olimpik 2014 tersebut.

TDDDB julang kejuaraan



PEMANGKU Timbalan Pemerintah ABDB dan Pemerintah TDDDB, Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Yussof bin Haji Abd. Rahman (kanan) selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Jun. - Pasukan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) muncul juara pada Kejohanan Bolasepak Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selepas menumpaskan pasukan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Mini Stadium Bolkiah Garison, di sini.

Pada perlawanan penentuan tersebut, TDDDB muncul

sebagai pemenang dengan meranapkan impian TUDB dengan jaringan 2-1.

Gol kemenangan TDDDB berjaya dihasilkan menerusi Lkpl Md. Hairul Azri dan Sld. Md. Nazri sementara gol pasukan TUDB dijaringkan oleh Sld. Md. Isa Haji Bahar.

Menyaksikan pada perlawanan tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah kejohanan ialah Pemangku Timbalan

Pemerintah ABDB dan Pemerintah TDDDB, Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Yussof bin Haji Abd. Rahman.

Menduduki tempat ketiga pada kejohanan tersebut jatuh kepada pasukan Kementerian Pertahanan.

Manakala hadiah pemain terbaik diberikan kepada Sld. Razimie bin Rambli mewakili TDDDB dan Lt. (U) Saiful Ariffin dari TUDB diberikan hadiah selaku penjaring terbanyak iaitu sebanyak empat gol.

Menggilap pemain akar umbi berpotensi

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Ahad, 22 Jun. - Seramai 300 kanak-kanak dari 36 buah pasukan menyertai Karnival Bola Sepak Akar Umbi Daerah Belait yang diadakan di Padang Kelab Ria Brunei Shell (BSRC), di sini.

Karnival pertama kali dianjurkan oleh Pertubuhan Bolasepak Daerah Belait (PBDB) bersama BSRC berbentuk pertandingan bola sepak lima orang sepasukan dibahagikan kepada dua kategori meliputi Kategori A (20 pasukan, kanak-kanak berumur 13 hingga 15 tahun) dan Kategori B (16 pasukan, kanak-kanak berumur 9 hingga 12 tahun).

Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP), Tuan Ken Marnoch melancarkan karnival berkenaan yang mana BSP merupakan penaja utama.

Selain dari itu, acara sampingan juga diadakan termasuk pertandingan kemahiran bola sepak seperti mengawal bola, menendang bola ke tempat sasaran, mengecekek bola, menanduk bola, menendang bola seberapa jauh dan kemahiran bagi penjaga gol.

Sementara, perlawanan peringkat suku akhir hingga peringkat akhir diadakan sebelah petang yang disaksikan oleh Pegawai Daerah

Belait, Awang Haji Haris bin Otman dan seterusnya menyampaikan hadiah.

Setiausaha Agong Pentadbiran PBDB, Awang Morni bin Haji Zakaria berkata, karnival berkenaan adalah bagi memupuk minat pemain-pemain di peringkat akar umbi supaya berkecimpung secara serius dalam sukan bola sepak dan mendapat didikan yang teratur dalam kemahiran permainan bola sepak.

Karnival juga sebagai aktiviti sihat dan berfaedah serta dapat mengelakkan kanak-kanak atau belia-belia terlibat dalam gejala sosial, di samping menggalakkan ibu bapa sebagai penyokong ke arah hasrat PBDB menjadikan sukan bola sepak di Daerah Belait mencapai tahap yang cemerlang.

Awang Morni seterusnya menambah, karnival juga bagi mencari pemain-pemain muda yang berbakat dan berpotensi untuk diasuh dan dibimbing serta seterusnya dipilih mewakili Daerah Belait ke pertandingan peringkat daerah dan ke peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara di kejohanan serantau dan antarabangsa.



PERTANDINGAN kemahiran mengawal bola merupakan antara salah satu acara sampingan yang diadakan.

Kos jenayah rentas sempadan meningkat USD870 bilion tahun 2011

Dari muka 1

Yang Berhormat juga menyebut mengenai perspektif tentang bagaimana SOMTC boleh menguatkan tindakan kolektif ASEAN terhadap jenayah merentas sempadan.

Pertama, untuk menghapuskan 'red-tape', tegas Yang Berhormat, ASEAN mempunyai hubungan yang kuat dan kepercayaan dalam kalangan negara anggotanya untuk menghapuskan birokrasi yang tidak perlu.

Perkongsi, operasi bersama, usaha penyelarasan dan usaha antara rantau dicapai setakat ini perlu dipertingkatkan supaya lebih cekap untuk memastikan bahawa rantau ini tidak menjadi tempat selamat untuk rangkaian jenayah terancang atau hab kewangan haram.

Beliau juga memberi jaminan bahawa negara anggota ASEAN perlu bekerjasama, bukan sahaja secara dua hala antara kedua-dua buah negara tetapi juga di pelbagai peringkat yang melibatkan beberapa negara, bekerja secara serentak dan mengendalikan dengan cara yang baik.

Perkara kedua, katanya ialah menekankan keperluan untuk meletakkan penekanan yang kuat terhadap pembinaan keupayaan terutama untuk kakitangan barisan hadapan dan penyiasat dan penggunaan teknologi, memanfaatkan *inparts* terhadap keupayaan rakan dialog antarabangsa.

Pada masa ini, SOMTC harus melihat ke hadapan bagi kemungkinan menubuhkan Pusat Latihan Serantau Untuk Siasatan yang akan menyediakan kursus-kursus mengenai amalan terbaik, penggunaan data yang dikongsi dan yang paling penting mengenai penggunaan keadaan teknologi seni untuk memerangi jenayah.

Secara peribadi, Yang Berhormat percaya bahawa dengan mengamalkan teknologi yang betul adalah penting untuk mencapai kejayaan dalam perjuangan dan keupayaan bagi langkah-langkah lebih awal daripada rangkaian jenayah global dan organisasi yang mengancam setiap negara.

"Dalam SOMTC ini perkongsian ASEAN perlu dipupuk dengan rakan dialog dan seharusnya menambah 'leverage' dengan keupayaan masing-masing untuk menghapuskan ancaman jenayah rentas sempadan," tegasnya.

Perkara ketiga, tambah Yang Berhormat ialah memastikan agar usaha Program Kerja yang mempunyai mekanisme ini dipastikan tepat masa pelaksanaannya bagi



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamaneri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) dan Mesyuarat Yang Berkaitan Ke-14. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

mengetahui keputusan akhir penilaiannya.

Beliau menegaskan bahawa sepatutnya tidak ada apa-apa aktiviti yang bertindih dan duplikasi dengan mereka yang mengendalikan mesyuarat ASEAN lainnya, bahkan bukan sahaja mahal dikendalikan akan tetapi sumber manusia tidak perlu turut terbabat.

Yang Berhormat penuh percaya bahawa komunikasi yang berkesan adalah inti pati untuk menguruskan kegiatan secara keseluruhan dengan lebih baik dan keupayaan untuk mencapai keputusan yang sama dengan mesyuarat yang singkat atau kurang keupayaan.

"Mesyuarat ASEAN perlu diberi mandat untuk memberi laporan aktiviti kepada mesyuarat ASEAN lainnya dan sebaliknya supaya kerja-kerja mereka tidak diulang semua. Akhirnya, ASEAN hanya boleh mendapat manfaat daripada penyelarasan itu dan penyelarasan kolektif," tambahnya.

Ini adalah kali kedua Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah SOMTC, kali pertama pada September 2004 bagi SOMTC Ke-4. SOMTC 14 kali ini dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Mesyuarat dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada kementerian yang berkaitan daripada semua negara anggota ASEAN yang bertanggungjawab untuk menyelia jenayah rentas negara dan isu-isu yang berkaitan, yang bertindak sebagai platform bagi kerjasama dalam menangani cabaran tersebut.

SOMTC ini diadakan sekali pada tiap tahun untuk membincangkan dan memantau pelaksanaan dan penyelarasan dasar dan rancangan yang diterima pakai oleh Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Jenayah Transnasional (AMMTC) dengan objektif asas meningkatkan kerjasama dalam memerangi jenayah rentas sempadan dan mengatasi cabaran rentas sempadan yang dibangkitkan.

Bagi memudahkan penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik, kumpulan pakar telah ditubuhkan di bawah bidang kuasa SOMTC ini dengan fokus kepada lapan bidang jenayah rentas sempadan iaitu keganasan, pengedaran dadah haram, perdagangan manusia, jenayah siber, pengubahan wang haram, penyeludupan senjata, lanun dan jenayah ekonomi antarabangsa.

SOMTC dengan bantuan daripada Sekretariat ASEAN diberikan mandat untuk merapatkan lagi hubungan kerjasama dengan Rakan Dialog, negara-negara lain, organisasi serantau dan antarabangsa bagi mengiktiraf kesefahaman bahawa jenayah rentas negara merupakan keseimbangan bagi serantau dan antarabangsa.

SOMTC ini juga ditugaskan untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan dengan badan-badan ASEAN lain yang berurusan dengan jenayah rentas sempadan seperti Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Perkara-Perkara Dadah (ASOD), Ketua-Ketua Polis Negara ASEAN (ASEANAPOL), Ketua Pengarah Kastam ASEAN dan Ketua Pengarah Imigresen ASEAN dan Ketua-Ketua Hal Ehwal Konsular Kementerian Luar Negeri (DGICM).

Majlis turut dihadiri oleh para perwakilan negara-negara asing, wakil-wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.

Anugerah Guru dan Pelajar Cemerlang 2013



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqiib bin Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim semasa berangkat pada Majlis Anugerah Guru dan Pelajar Cemerlang BC GCE 'O' Level 2013 bagi Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), berlangsung di dewan sekolah berkenaan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Simposium Kluster 6 kongsi pengalaman mengajar

Dari muka 1

Katanya, inisiatif ini menunjukkan beberapa hasil yang menggalakkan pada tahun 2013 seperti pencapaian dalam Pembacaan iaitu 74 peratus (Tahun 1); 85 peratus (Tahun 2) dan 89 peratus (Tahun 3), dalam Kefahaman 53 peratus (Tahun 1); 65 peratus (Tahun 2) dan 75 peratus (Tahun 3) dan dalam kemajuan KGBK sebanyak 45 peratus yang boleh membaca tahap 12.

Walau bagaimanapun, tegas Yang Berhormat, pencapaian ini kurang memuaskan hati dan banyak yang perlu dilakukan. Apa yang penting adalah menilai prestasi SPN21 ini lebih lima tahun lalu untuk memberikan satu gambaran yang jelas mengenai kelemahan, mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan atau penajajaran.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan, selaku tetamu kehormat semasa melancarkan Simposium Kluster 6 Ke-3.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Kluster 6 Ke-3, berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Sengkuring.

Untuk memupuk kemahiran yang diperlukan bagi abad ini, tambah Yang Berhormat, salah satu program yang dilaksanakan di bawah E-Hijrah, adalah inisiatif Pembangunan ICT keseluruhan sekolah atau dikenali sebagai WSID di mana pada peringkat awal ini sebanyak 20 buah sekolah dipilih untuk melaksanakan projek tersebut.

"Saya ingin mengimbas semula pada lawatan saya ke beberapa buah sekolah yang melaksanakan WSID, saya kagum dengan pelajar yang amat komited dalam pelajaran mereka. Para pelajar menggunakan ICT untuk mengembangkan pengetahuan baru, kemahiran kritikal abad ke-21 di dunia global hari ini. Apa yang mengagumkan saya ialah

bagaimana projek WSID menggalakkan penggunaan Pendekatan Seluruh Sekolah untuk menyokong perubahan di sekolah-sekolah yang sistematik, mampan dan berskala," ujarnya.

Yang Berhormat percaya bahawa membangunkan budaya inovasi dalam pendidikan amat diperlukan di semua peringkat.

"Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa inovasi didorong di peringkat bilik darjah dan memberi kuasa kepada setiap guru menggunakan alat ICT kreatif untuk menjadi Pereka Pembelajaran untuk membantu melepaskan potensi kreatif tiap-tiap orang muda dalam sistem pendidikan," jelas Yang Berhormat.


Layari media sosial Penerangan


BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Selaras dengan peranan utamanya sebagai 'Lidah' dan 'Telinga' kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mewujudkan laman media sosial rasminya iaitu Facebook, Twitter dan Instagram yang membarigakan berita-berita dan aktiviti jabatan dan hal ehwal semasa yang

berlangsung di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, orang ramai bolehlah melayari laman media sosial berkenaan di:-

 Facebook: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

 Twitter: infodept_bn

 Instagram: infodept.bn

'INOVATIF TERHADAP KUALITI PENDIDIKAN'

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.